

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

FAKULTI UNDANG-UNDANG
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

NUR EZAN BINTI RAHMAT

KETUA UNIT KUALITI :

MAZLINA BT MOHAMAD MANGSOR

PENYELARAS :

SU'AIDA BINTI SAFEI

PENULIS :

1. FAZLIN BINTI MOHAMED ZAIN
2. AIN-MARYAM BINTI ZOLKIPLI @ ZULKIFLI
3. NURUL JANNAH BINTI MUSTAFA KHAN
4. NURUL SHUHADA BINTI SUHAIMI
5. IBTISAM @ ILYANA BINTI ILIAS
6. MAZLINA BINTI MAHALI
7. SU'AIDA BINTI SAFEI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw diterajui oleh Dekan dan dibantu oleh tiga Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP) dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI). TDA dibantu oleh enam Ketua Pusat Pengajian iaitu:

- a. Ketua Pusat Pengajian Program Sarjana Muda
- b. Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah
- c. Ketua Pusat Khidmat Undang-Undang
- d. Ketua Pusat Pengajian Diploma Syariah dan Amalan
- e. Ketua Pusat Pengajian *Institute of Continuing Education and Professional Studies* (iCEPS)
- f. Ketua Pusat Pengajian Resolusi dan Advokasi Pertikaian

TDHEP dibantu oleh tiga orang penyelaras dan seorang Pegawai Eksekutif yang menjalankan tugas-tugas khas berkaitan HEP. Tiga penyelaras adalah Penyelaras HEP, Penyelaras Hal Ehwal Zakat dan Penyelaras Keusahawanan. TDPJI pula dibantu oleh tiga penyelaras iaitu Penyelaras Penerbitan dan Penyelidikan, Penyelaras *Industry, Community and Alumni Network* (ICAN) serta Penyelaras *Ranking Champion*.

Selain itu, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw dianggotai oleh Ketua Unit Kualiti, Koordinator Korporat dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) yang turut membantu menerajui kepimpinan Fakulti.

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw komited dalam merangka dan melaksana projek-projek yang berimpak tinggi bagi mencapai objektif bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK).

Perancangan (Plan)

Tahun 2023 merupakan tahun dimana Pengurusan Eksekutif UiTMLaw giat menyambung dan melaksanakan projek-projek bidang tumpuan JAKK. Justeru, Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023 memastikan sebarang keputusan menjalankan inisiatif dan projek mengambilkira bidang tumpuan JAKK iaitu memperkasa kegiatan berkaitan alumni, masyarakat dan kesukarelawan. Pengurusan risiko turut dirancang sebelum setiap pelaksanaan projek-projek bidang tumpuan JAKK.

Pelaksanaan (Do)

Melalui Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023, semua maklumat projek-projek yang dirancang, termasuk projek yang berkaitan bidang tumpuan JAKK disalurkan kepada warga UiTMLaw. Maklumat ini disalurkan melalui pelbagai saluran termasuk di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Staf Akademik, mesyuarat bersama staf pentadbiran, serta Amanat Dekan kepada pelajar untuk tindakan pelaksanaan selaras dengan *Performance Indicator* (PI) yang ditetapkan oleh pihak UiTM. Tanggungjawab pelaksanaan projek diletak kepada Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan selaku Pengarah Projek (*Project Director*) yang dibantu oleh Pengurus Projek (*Project Manager*) untuk memastikan semua pelaksanaan bidang tumpuan JAKK dijalankan mengikut perancangan yang dirangka.

Pemantauan (Check)

Pemantauan pencapaian PI dilakukan secara berkala dan strategik. PSTU adalah ahli turut hadir di dalam MPE UiTMLaw dan dikehendaki melapor pencapaian PI setiap bulan. Proses ini

melibatkan Pengurusan Eksekutif menjalankan pemantauan dan membuat tindakan intervensi bagi semua projek di bawah bidang tumpuan JAKK. Pelaksanaan proses pemantauan turut dibincangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, Mesyuarat Penutup Audit Dalam dan hasil maklumbalas pelanggan (pelajar, staf akademik dan pentadbiran, alumni, komuniti dan industri) di dalam projek-projek berkaitan bidang tumpuan JAKK.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Langkah penambahbaikan dilaksanakan oleh Pengurusan Eksekutif UiTMLaw berdasarkan Laporan Maklumbalas Pelanggan dan maklumbalas secara langsung dan tidak langsung bagi projek di bawah bidang tumpuan JAKK. Pemegang taruh dalam dan luar seperti pelajar, staf, industri, komuniti, serta alumni sentiasa memberikan maklumbalas untuk penambahbaikan. Maklumbalas ini dikumpul pada akhir projek dan seterusnya dianalisa. Justeru, tindakan penambahbaikan dititikberatkan oleh Pengurusan Eksekutif UiTMLaw untuk menjamin pelaksanaan program berkala yang lebih berkualiti dan lebih berimpak tinggi pada masa hadapan, seterusnya melonjakkan UiTMLaw ke arah Kebolehpasaran Global 2023.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw cakna dalam mencapai kecemerlangan bidang tumpuan JAKK dengan membentuk **Objektif Strategik (OS) IMPACT** semasa Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2022 dan diteruskan di dalam bengkel yang sama pada tahun 2023. Di dalam bengkel tersebut, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw telah mengambil langkah **inovasi** menerusi **OS IMPACT** yang berteraskan nilai murni **I (Integrity)**, **M (Mindful)**, **P (Proactive)**, **A (Agile)**, **C (Committed)** dan **T (Tenacity)** yang mendukung tema **Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**.

OS IMPACT adalah seperti berikut:

OS IMPACT 1 - Melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni.

OS IMPACT 2 - Memberi kesedaran dan pemahaman undang-undang kepada komuniti.

OS IMPACT 3 - Membudayakan khidmat kesukarelawanan di kalangan warga UiTMLaw (Rujuk 1.2.1 Ceraian Laporan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik UiTMLaw 2023 mengenai *OS IMPACT 1-3*).

Pemeriksaan pengurusan Eksekutif membawa hasil dan impak kepada bidang tumpuan secara menyeluruh melalui **perkongsian pengetahuan**. Semua pemegang taruh dalaman (**Staf Akademik, Staf Pentadbiran dan Pelajar**) serta pemegang taruh luar (**Industri, Alumni dan Komuniti**) bekerjasama di dalam **OS IMPACT** yang selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Pelan Tindakan Strategik UiTM (Rujuk 1.2.2 Ceraian PPPM 2015 - 2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025).

Bagi mencapai kesemua **OS IMPACT**, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw melaksanakan **projek-projek berimpak tinggi dibawah tiga teras utama yang melibatkan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**, seperti yang berikut:

- **UiTMLaw Seiring Alumni - OS IMPACT 1**
- **UiTMLaw Bersama Komuniti - OS IMPACT 2**
- **UiTMLaw Menabur Bakti - OS IMPACT 2**

Bagi memenuhi **OS IMPACT 1** Pengurusan Eksekutif menganjurkan projek-projek bersama alumni berdasarkan teras utama *UiTMLaw Seiring Alumni* melalui **UiTMLaw Mentorship, UiTMLaw Internship Initiative, UiTMLaw Career Networking dan UiTMLaw Academic Excellence Beyond the Classroom Initiative**.

Keterangkuman jalinan pelajar bersama alumni ini melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan bersemangat proaktif, selari dengan matlamat UiTM dalam meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan yang berdaya saing (Globally Marketable University), (Rujuk 1.2.3 Ceraian Amanat Naib Canselor UiTM 2023: Kebolehpasaran Global) dan Objektif Kualiti 6 UiTMLaw bagi memastikan kadar kebolehpasaran siswazah sarjana muda melebihi 85%.

Bagi memenuhi **OS IMPACT 2**, berdasarkan teras utama *UiTMLaw bersama Komuniti*, **perkongsian ilmu** undang-undang dititikberatkan menerusi pelaksanaan program-program kesedaran undang-undang melalui platform media massa dan media sosial, secara bersemuka dan atas talian.

Pemeriksaan kerjasama agensi kerajaan, bantuan guaman (*pro bono*) melalui projek **Klinik Bantuan Guaman (Legal Aid Clinic)**, **UiTMLaw Outreach Project** mengetengahkan perkongsian celik undang-undang oleh pensyarah-pensyarah menggambarkan kecaknaan terhadap pembangunan kemasyarakatan, bersesuaian dengan pendekatan Pejabat ICAN. **OS IMPACT 2** turut mengetengahkan projek **UiTMLaw Care** yang melaksanakan program kebajikan melalui sumbangan makanan tengahari, kewangan serta komputer riba kepada pelajar (Rujuk 1.2.4 Program Pemeriksaan *UiTMLaw Care*)

Seterusnya, bagi memenuhi **OS IMPACT 3**, Pengurusan Eksekutif melalui teras utama *UiTMLaw Menabur Bakti* mendukung inisiatif projek kesukarelawan.

Program di bawah **i-SULAM EnviroLex @ Pantai Cunang, Zoventure: Volunteer Expedition, Bright Hope Brigade: Visiting the Orphanage Home** dan **Window to Hope: Exploring Refugees Communities** memberi impak positif untuk memupuk falsafah kesukarelawan. (Rujuk 1.2.5 Ceraian Surat Kelulusan Projek Kesukarelawan UiTMLaw 2023).

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_K01_KB02_20241_1.2.1.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB02_20242_1.2.2.pdf](#)
3. [F0043_K01_KB02_20243_1.2.3.pdf](#)
4. [F0043_K01_KB02_20244_1.2.4.pdf](#)
5. [F0043_K01_KB02_20245_1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw peka dan cakna kepada hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Pengurusan Tertinggi UiTM yang dijadikan rujukan dan teras dalam merangka perancangan strategik yang memberi tumpuan kepada bidang JAKK. Oleh yang demikian, kaedah perluasan dan penyampaian maklumat bidang tumpuan JAKK telah dijalankan secara efektif kepada **keseluruhan sistem di UiTM** termasuk pihak industri, alumni dan pemegang taruh yang lain.

Selaras dengan kesemua OS *IMPACT*, penetapan projek utama bagi bidang tumpuan JAKK adalah menerusi pendekatan perancangan strategik di dalam **Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023**. Bengkel ini diadakan untuk merancang semua projek-projek berdasarkan penetapan PI daripada pihak Pengurusan Tertinggi UiTM. Melalui bengkel tersebut, **penugasan** sasaran PI bagi bidang tumpuan JAKK diturunkan kepada Timbalan Dekan PJI dan Koordinator ICAN dengan sinergi bersama TD HEA dan TD HEP (Rujuk 1.3.1 Pelaksanaan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023).

Di dalam menanam dan memupuk budaya **akauntabiliti** dan **integriti** untuk bidang tumpuan JAKK, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw memastikan setiap program yang dilaksanakan mematuhi Pelan Integriti Organisasi UiTM (Rujuk 1.3.2 Ceraian Pelan Integriti Organisasi UiTM). Dari masa ke semasa, rujukan dibuat kepada Unit Integriti UiTM di dalam memastikan pematuhan pelaksanaan program.

Pengurusan kewangan yang telus dan terancang bagi setiap projek melibatkan perancangan bersama Pengurusan Eksekutif UiTMLaw dan pihak bendahari Zon 7. Kerjasama dan **komunikasi secara erat** dengan pejabat ICAN UiTM melalui TDPJI turut dipraktik bagi perluasan pelaksanaan bidang tumpuan JAKK. **Keterlibatan** Pengurusan Eksekutif UiTMLaw dan pihak ICAN UiTM bertujuan untuk memperkukuh perancangan dan meningkatkan kualiti projek-projek yang telah dirancang bagi bidang tumpuan JAKK. Keterlibatan ini juga sekaligus meningkatkan hubungan baik UiTMLaw dengan semua pemegang taruh termasuk industri, komuniti dan alumni.

Di UiTMLaw, perluasan juga dijalankan secara langsung dan tidak langsung melalui pelbagai cara. Antara usaha tersebut adalah dengan penyertaan bersama program-program anjuran Majlis Peguam, Badan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Mesyuarat Majlis Dekan Undang-Undang; menerima kunjungan hormat dan turut hadir perbincangan khas pihak alumni, industri dan komuniti. (Rujuk 1.3.3 Perluasan melalui penganjuran program bidang tumpuan JAKK).

Untuk memastikan semua projek-projek yang dirancang memenuhi kehendak pemegang taruh, Pengurusan Eksekutif melaksanakan penyebaran informasi kepada seluruh warga UiTMLaw menerusi platform mesyuarat yang efektif seperti Amanat Dekan 2023, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Tabung Amanah, Mesyuarat Sumber Manusia, Mesyuarat Bersama Alumni, Mesyuarat Timbalan Dekan HEP bersama Persatuan Dalaman Pelajar (Rujuk 1.3.4 Ceraian Minit Mesyuarat Staf UiTMLaw Bil 159/2023).

Selain itu, platform seperti emel rasmi jabatan, instagram rasmi UiTMLaw, aplikasi *Whatsapp* serta *Youtube* juga digunakan sebagai platform penyebaran dan penyampaian maklumat bidang tumpuan JAKK (Rujuk 1.3.5 Contoh Perluasan Pelaksanaan Keseluruhan Sistem UiTM).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB03_20241_1.3.1.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB03_20242_1.3.2.pdf](#)

3. [F0043_K01_KB03_20243_1.3.3.pdf](#)
4. [F0043_K01_KB03_20244_1.3.4.pdf](#)
5. [F0043_K01_KB03_20245_1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Eksekutif mengambil berat setiap maklum balas dari pihak yang berkepentingan dan pemegang taruh UiTMLaw dalam memastikan penyampaian khidmat dan pelaksanaan program-program yang dirancang berjalan lancar dan mencapai objektif. Bagi pelaksanaan bidang tumpuan JAKK, pemantauan yang berkala dan sistematik ditekankan sebagai asas bagi mengkaji kualiti dan pelaksanaan program. Pengurusan Eksekutif telah membuat pemantauan melalui siri mesyuarat pengurusan secara menyeluruh bagi merealisasikan pemantauan berkesan (Rujuk 1.4.1.1 Gambarajah Strategi Pemantauan dan Penambahbaikan JAKK).

Pengurusan Eksekutif komited dalam pencapaian *Performance Indicator* (PI). Sehubungan dengan itu, Ahli Jawatankuasa Pemantau diketuai oleh UiTMLaw telah ditubuhkan. Pemantauan berkala untuk bidang tumpuan JAKK menerusi pencapaian PI dijalankan menerusi analisa sistem *Electronic Program Management Office* (UePMO) dan dashboard Power BI Bahagian Transformasi Universiti (BTU) untuk membantu pemantauan pencapaian pelaksanaan projek dan peratus pencapaian PI (Rujuk 1.4.1.2 Tangkap Layar Sistem UePMO dan Dashboard Power BI 2023). Mesyuarat berkala secara fizikal dan melalui pelbagai platform juga diadakan diantara pihak pengurusan eksekutif bersama pihak yang terlibat bagi memastikan inisiatif yang dirancang mencapai sasaran. (Rujuk 1.4.1.3 Inisiatif Pemantauan Pihak Pengurusan Eksekutif).

Pihak Pengurusan Eksekutif UiTMLaw sentiasa memantau projek-projek bidang tumpuan JAKK berjalan dengan lancar dan berjaya. Pemantauan dibuat dengan memastikan Penyelaras Projek menghantar laporan program-program yang dijalankan (Rujuk 1.4.1.4 Ceraian Contoh Laporan Aktiviti Program).

Audit Dalam juga merupakan mekanisme pemantauan yang efektif. Audit ini dilaksanakan setahun sekali di mana semua Pengurusan Eksekutif di temu bual untuk memastikan kadar kepatuhan sistem pengurusan kualiti.

Hasil audit dan pemantauan berkala melalui pelbagai cara ini digunakan untuk **kaji semula pengurusan** menerusi pembentangan laporan dalam siri mesyuarat berkala MPE dan MKSP (Rujuk 1.4.1.5 Ceraian Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil 1/2023).

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_K01_KB04_KC01_20241_1.4.1.1_.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB04_KC01_20242_1.4.1.2.pdf](#)
3. [F0043_K01_KB04_KC01_20243_1.4.1.3.pdf](#)
4. [F0043_K01_KB04_KC01_20244_1.4.1.4.pdf](#)
5. [F0043_K01_KB04_KC01_20245_1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw sentiasa memastikan semua perancangan dan perjalanan projek-projek bidang tumpuan JAKK adalah berpandukan proses pengurusan risiko, dan ini juga sejajar dengan Panduan Pengurusan Risiko UiTM untuk tindakan pencegahan (Rujuk 1.4.2.1 Ceraian Panduan Pengurusan Risiko UiTM).

Perancangan tindakan pencegahan dijayakan dengan pelantikan Jawatankuasa Pemilik Risiko yang dipengerusikan oleh Dekan dan dianggotai oleh Pengurusan Eksekutif, Wakil J/K Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Penyelaras Pengurusan Risiko (Rujuk 1.4.2.2 Pelantikan Penyelaras Pengurusan Risiko UiTMLaw). Pelantikan ini adalah selaras dengan Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko Universiti, Unit Pengurusan Risiko 2014. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membudayakan pengurusan risiko di UiTMLaw, memastikan polisi, panduan dan mekanisme pengurusan risiko UiTM dipatuhi dan memantau serta menilai setiap risiko yang dilaporkan secara berkala.

Untuk bidang tumpuan JAKK 2023, beberapa **risiko** telah berjaya **dikenalpasti secara kolektif** dan didaftarkan selepas Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik UiTMLaw di dalam sistem UiSMS yang telah dibangunkan oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Sistem ini pertama kali digunakan pada tahun 2023 untuk menggantikan Pelan Tindakan Strategik (*Strategic Action Plan*) (SAP) yang digunakan di dalam sistem UePMO sebelum itu.

Antara contoh risiko adalah seperti Projek FUU 2023_03 *Industries Community Outreach & Alumni 2023*. Risiko yang didaftarkan adalah *R00302 (Failure to produce graduates that meet employers' expectations)*. Namun begitu, risiko yang didaftarkan adalah sederhana (moderate) dan pelan mitigasi adalah Mengelak (*Avoidance*) dan Menerima (*Acceptance*) (Rujuk 1.4.2.3 Ceraian SAP 2023 Template FUU).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB04_KC02_20241_1.4.2.1.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB04_KC02_20242_1.4.2.2.pdf](#)
3. [F0043_K01_KB04_KC02_20243_1.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan perkhidmatan dan operasi yang cemerlang dan efektif perlu mengambil kira aspek pencegahan dan penambahbaikan. Pengurusan Eksekutif UiTMLaw sentiasa mengambil berat dan memberi penekanan terhadap tiga proses utama iaitu **mengenal pasti risiko** (Rujuk 1.4.2 di atas), **kajian semula** pengurusan dan tindakan **penambahbaikan** di dalam setiap pelaksanaan program bagi mencapai OS IMPACT dan seterusnya mendukung tema ***Mercu Kebolehpasaran: Melestarikan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan***. Amalan mengenal pasti risiko, mengkaji semula dan tindakan remedial adalah bagi tujuan penambahbaikan dan memperkukuhkan pembangunan holistik pelajar dan seterusnya melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing.

Kesemua data hasil maklumbalas yang diterima telah dibincang dan dianalisa, diambil tindakan dengan efisien dan efektif serta dikongsi bersama semua warga UiTMLaw. Bagi peringkat kajian semula dan tindakan penambahbaikan, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw sentiasa peka dan mengambil berat terhadap tindakan remedial yang perlu diambil. Contoh-contoh mesyuarat tindakan kaji semula adalah Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan Mesyuarat Maklumbalas Pelanggan (Rujuk 1.4.3.1 Ceraian Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil 1/2023 dan 1.4.3.2 Ceraian Laporan Maklum Balas Pelanggan 2023).

Pengurusan Eksekutif juga UiTMLaw komited membuat tindakan penambahbaikan dan pelan mitigasi berdasarkan pelaporan risiko dan kajian semula yang didaftarkan semasa Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik UiTMLaw oleh PSTU. Contohnya, antara penambahbaikan dan pelan mitigasi untuk menangani risiko yang dikenalpasti sebelum perancangan dan perjalanan program-program bidang tumpuan JAKK yang telah dibuat untuk projek *UiTMLaw Mentorship*, dan *UiTMLaw Internship Initiative*. (Rujuk 1.4.3.3 Ceraian *Project and Risk Mapping Report* 2023)

Tindakan hasil penganalisan risiko, kajian semula dan penambahbaikan yang diambil dikongsi kepada warga UiTMLaw bersama menerusi mesyuarat pengurusan eksekutif dan mesyuarat bersama staf UiTMLaw. Sebagai contoh, laporan pencapaian PI 2023 dibincangkan dalam Mesyuarat Staf Akademik (Rujuk 1.4.3.4 - Ceraian Minit Mesyuarat Staf Akademik Bilangan 159/2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB04_KC03_20241_1.4.3.1.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB04_KC03_20242_1.4.3.2.pdf](#)
3. [F0043_K01_KB04_KC03_20243_1.4.3.3.pdf](#)
4. [F0043_K01_KB04_KC03_20244_1.4.3.4.pdf](#)
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil tadbir urus yang cemerlang Pengurusan Eksekutif UiTMLaw dengan dibantu sepenuhnya oleh warga UiTMLaw telah mencapai objektif dan matlamat melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing. Hasil daripada sinergi yang kukuh dengan pihak alumni, UiTMLaw mendapat pengiktirafan dalam dan luar UiTM. Di peringkat kebangsaan, UiTMLaw telah mendapat pengiktirafan **6 Stars in Employability Ranking 2023** oleh *Talent Bank*. (Rujuk 1.5.1 *6 Stars in Employability Rating 2023* dan Keratan Akhbar Pengiktirafan).

UiTMLaw juga telah mendapat pengiktirafan global dimana UiTMLaw berjaya mengukuhkan kedudukan sebagai salah satu Fakulti Undang-Undang terbaik apabila berjaya berada di **kedudukan 301-350 QS World University Rankings by Subject 2023**. *QS World University Rankings* adalah berdasarkan reputasi akademik dan reputasi majikan di mana ini jelas menunjukkan kekuatan Pengurusan Eksekutif UiTMLaw memacu kecemerlangan melahirkan graduan yang berimpak tinggi di mata industri dan majikan khususnya (Rujuk 1.5.2 *QS World University Rankings by Subject 2023*).

UiTMLaw melakar kejayaan dengan membuktikan hubungan baik dan keterlibatan UiTMLaw dengan pihak alumni dan komuniti apabila berjaya memenangi **dua anugerah**. Pertama, UiTMLaw telah mendapat tempat ketiga di Anugerah MeTIC 13 bagi kategori **Pencapaian Terbaik PTJ 2023: Anugerah Sumbangan Alumni Tertinggi**. Kedua, UiTMLaw telah merangkul **Anugerah PTJ Prihatin Kategori OKU 2023** sempena Hari OKU UiTM 2023 dari Unit Perkhidmatan OKU UiTM (Rujuk 1.5.3 Sijil Anugerah MeTIC 13 dan Sijil Anugerah PTJ Prihatin Kategori OKU).

Kegemilangan UiTMLaw dan Pengurusan Eksekutif sekali lagi terbukti apabila berjaya **merangkul 6 Stars Achievement of 2023 Performance Indicator dengan markah 94.7%**. Pencapaian PI 2023 telah memenuhi status 100% untuk PI ICAN di dalam PI072 sehingga PI078 dan PI080.

Perancangan rapi Pengurusan Eksekutif UiTMLaw di dalam merangka dan seterusnya melaksanakan program yang bermanfaat kepada komuniti terbukti berkesan apabila UiTMLaw mendapat pengiktirafan **Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM 2023 kategori Penjanaan Pendapatan Cemerlang, Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023: World Class Faculty Members** dan **Anugerah 6 Bintang PTJ** (Rujuk 1.5.4 Sijil Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTMLaw 2023).

Keberkesanan kepimpinan Pengurusan Eksekutif UiTMLaw dapat dibuktikan melalui perjanjian Memorandum Persetujuan dan Memorandum Persefahaman dengan beberapa **universiti luar negara** seperti University of Western Australia, University of Southern Australian, Universitas Padjadjaran, Universitas Brawijaya, University of Bradford, UK dan West Visayas State University, Philippines (Rujuk 1.5.5 Ceraian MOA dan MOU Bersama Universiti Luar Negara).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB05_20241_1.5.1.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB05_20242_1.5.2.pdf](#)
3. [F0043_K01_KB05_20243_1.5.3.pdf](#)

4. [F0043_K01_KB05_20244_1.5.4.pdf](#)

5. [F0043_K01_KB05_20245_1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Mendukung tema **Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, Perancangan Strategik (PS) UiTMLaw 2023** menggariskan panduan perancangan bagi mencapai 3 Objektif Strategik (OS) IMPACT. Perancangan dan pelaksanaan OS IMPACT ditekankan kepada seluruh warga UiTMLaw melalui pelbagai projek yang berimpak dan berinovasi. PS UiTMLaw tahun 2023 mengetengahkan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) dengan mengambilkira penyebaran dan perkongsian pengetahuan di peringkat dalam dan luar UiTM; kebangsaan dan juga antarabangsa. Cabaran dan risiko dikenalpasti bagi tindakan kaji semula dan penambahbaikan telah dibuat ke arah menghasilkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing, seterusnya mencapai tema **Kebolehpasaran Global** sesuai dengan **Dasar Perancangan Strategik UiTM 2020-2025**.

Perancangan (Plan)

PS UiTMLaw dimulakan pada setiap awal tahun dengan penganjuran Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik. **Bengkel untuk tahun 2023 telah diadakan dalam dua bahagian**. Bahagian pertama merupakan Bengkel Persediaan Perancangan Strategik yang diadakan pada 19 Januari 2023 di Fakulti Undang-Undang. Bahagian kedua merupakan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Pelan Tindakan Strategik yang diadakan pada 30 Januari 2023 bertempat di Double Tree by Hilton Hotel, Shah Alam dengan dihadiri oleh 30 orang warga UiTMLaw yang terdiri daripada semua **Pengurusan Eksekutif, Timbalan Pendaftar Kanan, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU)** dan **Pengarah Projek (Project Director PD)** yang dilantik.

Kesemua peserta bengkel dibahagikan mengikut kumpulan berdasarkan kluster kecemerlangan. Lima kluster kecemerlangan dikenalpasti iaitu (1) Kecemerlangan Akademik (2) Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan (3) Kecemerlangan Pentadbiran (4) Kecemerlangan Pelajar dan (5) **Kecemerlangan bidang tumpuan JAKK**. Untuk tahun 2023, bidang tumpuan yang dipilih adalah berdasarkan JAKK dengan **perancangan 15 projek berimpak tinggi dan berinovasi**. Daripada 15 projek tersebut, **50 aktiviti** telah dirancang dan dilaksanakan **dalam jangkamasa satu tahun**. Berdasarkan 50 aktiviti yang dirancang, **18 aktiviti** adalah untuk bidang tumpuan JAKK.

Untuk tahun 2023 juga, Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah memperkenalkan sistem *University Strategic Management System (UiSMS)* untuk menggantikan sistem UePMO. UiSMS merekodkan secara terperinci projek yang dirancang oleh PTJ untuk tahun semasa. Sistem juga menghendaki Ketua PTJ melantik *Project Director (PD)*, *Project Manager* dan *Project Member* bagi memantau aktiviti perancangan strategi.

Pelaksanaan (Do)

Pelaksanaan inisiatif strategik dijalankan secara sistematik dan efisien berpandukan **Model Strategi UiTM 2020-2025** dengan tema Kebolehpasaran Global 2023. Melalui pembahagian kluster kecemerlangan di dalam Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik, setiap PD perlu melaksanakan projek yang dirancang. PD bertanggungjawab memaklumkan kemajuan pelaksanaan projek kepada Pengurusan Eksekutif dan PSTU untuk dilaporkan di dalam sistem UiSMS.

Pemantauan (Check)

Pemantauan PS dijalankan secara berkala melalui siri mesyuarat Pengurusan Eksekutif yang membincangkan tahap pencapaian PI yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi UiTM. Pemantauan PS yang dibuat menerusi Audit Dalam dimana PSTU diaudit oleh auditor berkenaan proses serta pemantauan projek-projek yang dirancang.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

PS yang dinamik perlu mengambil kira langkah penambahbaikan termasuklah penambahbaikan untuk risiko yang dikenalpasti sebagai sangat rendah dan tidak ketara. Pelbagai medium digunapakai oleh UiTMLaw di dalam mengumpul input daripada warga UiTMLaw dan secara khusus dari kumpulan PS UiTMLaw seperti penggunaan *Whatsapp* kumpulan, dan pengisian *Google Form* oleh warga UiTMLaw. Sinergi keterlibatan (**engagement**) serta input nilai tambah dari warga telah menyumbang ke arah peningkatan kualiti PS UiTMLaw.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelaksanaan PS UiTMLaw adalah dibawah tanggungjawab PSTU yang telah dilantik oleh Naib Canselor. Dengan itu , PSTU telah membuat pendekatan PS melalui Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik Fakulti Undang-Undang pada Januari 2023. Bengkel tersebut telah diadakan untuk melaksanakan analisa dan mengkaji tahap pencapaian *Performance Indicator* (PI) UiTMLaw bagi tahun 2022 serta membincangkan sasaran pencapaian yang telah diturunkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi UiTM kepada UiTMLaw bagi tahun 2023. Bengkel tersebut juga telah membincang dan merancang projek-projek yang berimpak tinggi bagi tahun 2023 dengan fokus kepada bidang tumpuan JAKK. Sebanyak 15 projek telah dirancang dengan pecahan sebanyak 50 aktiviti. Daripada 50 aktiviti tersebut, **18 aktiviti** adalah untuk bidang tumpuan JAKK (Rujuk 2.2.1 Ceraian Senarai Perancangan Aktiviti Bidang Tumpuan JAKK UiTMLaw).

Melalui bengkel perancangan strategik tersebut, **langkah inovasi** yang diambil adalah berdasarkan OS *IMPACT* yang berteraskan **I** (*Integrity*), **M** (*Mindful*), **P** (*Proactive*), **A** (*Agile*), **C** (*Committed*) dan **T** (*Tenacity*). OS *IMPACT* adalah seperti di bawah:

1. Melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni.
2. Memberi kesedaran dan pemahaman undang-undang kepada komuniti.
3. Membudayakan khidmat kesukarelawanan di kalangan warga UiTMLaw.

(Rujuk 2.2.2 Ceraian Laporan Strategik *IMPACT* di Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023)

Dengan bertemakan **Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**, PS tahun 2023 mengetengahkan bidang tumpuan JAKK dengan mengambilkira penyebaran dan perkongsian pengetahuan di peringkat dalam dan luar UiTM; kebangsaan serta antarabangsa.

Perancangan PS UiTMLaw dalam melaksanakan projek-projek berimpak tinggi bagi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang berdasarkan tiga teras utama (*UiTMLaw Seiring Alumni*, *UiTMLaw Bersama Komuniti*, *UiTMLaw Menabur Bakti*) adalah seperti berikut:

Untuk mencapai **OS IMPACT 1 UiTMLaw Seiring Alumni**, antara projek yang dirancang adalah ***UiTMLaw Mentorship***, ***UiTMLaw Internship Initiative***, ***UiTMLaw Career Networking*** dan ***UiTMLaw Academic Excellence Beyond the Classroom Initiative*** yang merupakan program **berkala** bersama kerjasama alumni bagi memantapkan kualiti graduan profesional undang-undang. Objektif utama program-program ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan kerjasama alumni yang berjaya di dalam bidang masing-masing (Rujuk 2.2.3 Gambar-gambar Pelaksanaan Program-Program UiTMLaw Seiring Alumni).

Untuk mencapai **OS IMPACT 2 UiTMLaw Bersama Komuniti**, PS UiTMLaw fokus merancang

projek-projek kesedaran undang-undang melalui platform media massa dan media sosial, secara bersemuka dan atas talian. Pelaksanaan projek-projek ini adalah dengan kerjasama agensi kerajaan, bantuan nasihat guaman (*pro bono*) melalui **Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw (Legal Aid Clinic)** serta perkongsian celik undang-undang oleh pensyarah-pensyarah di peringkat kebangsaan dan global yang membuktikan **keterlibatan** pelbagai pihak dalam menjayakan program. Projek **UiTMLaw Care** yang merupakan program kebajikan turut dilaksanakan melalui sumbangan makanan tengahari, kewangan serta komputer riba kepada pelajar (Rujuk 2.2.4 Gambar-Gambar Perasmian Klinik Bantuan Guaman).

Untuk mencapai **OS IMPACT 3 UiTMLaw Menabur Bakti**, PS UiTMLaw memfokuskan inovasi aktiviti kesukarelawan menerusi program **i-SULAM EnviroLex @ Pantai Cunang, Zooventure: Volunteer Expedition, Bright Hope Brigade: Visiting the Orphanage Home** dan **Window to Hope: Exploring Refugees Communities** yang memberi impak positif dalam memupuk semangat kesukarelawan (Rujuk 2.2.5 Gambar-Gambar Pelaksanaan Program-Program UiTMLaw Bersama Komuniti).

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_P01_PB02_20241_2.2.1.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB02_20242_2.2.2.pdf](#)
3. [F0043_P01_PB02_20243_2.2.3.pdf](#)
4. [F0043_P01_PB02_20244_2.2.4.pdf](#)
5. [F0043_P01_PB02_20245_2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

OS IMPACT yang bertemakan **Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** adalah sejajar dengan **Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025)** yang berasaskan tiga dimensi; iaitu pemerikasaan ekonomi, kemampunan alam sekitar serta perekayasaan sosial.

Halatuju PS UiTMLaw **dikongsi** kepada seluruh warga UiTMLaw dan warga UiTM secara berkala dan sistematik, melalui beberapa platform bagi memastikan **pemerikasaan** halatuju yang dirancang.

Perluasan maklumat berkaitan PS bersama **ahli pengurusan eksekutif UiTMLaw** adalah menerusi Amanat Dekan, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif dan taklimat Timbalan-Timbalan Dekan kepada Koordinator. (Rujuk 2.3.1 Ceraian Minit Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil 04/2023).

Perluasan maklumat melalui mesyuarat dan taklimat pada setiap awal semester diadakan bersama **warga UiTMLaw** bertujuan memberi kefahaman dan halatuju kepada semua warga bagi memenuhi objektif PI dan objektif program yang dirancang (Rujuk 2.3.2 Ceraian Minit Mesyuarat Staf Akademik Bil 159/2023).

Selain daripada itu, **penyebaran maklumat** PS turut dikongsi bersama **warga UiTM** secara keseluruhannya menerusi laman web UiTMLaw yang memberi akses dan rujukan kepada seluruh sistem UiTM, memastikan **komunikasi** yang berkesan. Prestasi PS dan PI telah dinyatakan di dalam **UiTMLaw Newsletter** (Rujuk 2.3.3 Tangkap Layar *Newsletter* 2023 di laman Web UiTMLaw).

Perluasan penyebaran di peringkat UiTM secara tidak langsung juga turut dilakukan menerusi platform **instagram UiTMLaw** memastikan **keterangkuman** dalam mendapatkan informasi (Rujuk 2.3.4 Tangkap layar Instagram Perluasan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_P01_PB03_20241_2.3.1.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB03_20242_2.3.2.pdf](#)
3. [F0043_P01_PB03_20243_2.3.3.pdf](#)
4. [F0043_P01_PB03_20244_2.3.4.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PS yang dibuat pada Januari 2023 telah melalui proses pemantauan yang berkala dan sistematik sebagai asas mengkaji kemajuan pelaksanaan projek. Pemantauan ini dibuat melalui **siri mesyuarat pengurusan** yang membincangkan tahap pencapaian PI yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi UiTM dan langkah intervensi (Rujuk 2.4.1.1 Ceraian Minit Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil 04/2023).

PSTU UiTMLaw juga mengetuai Ahli Jawatankuasa Pemantauan PI yang membuat pemantauan berkala melalui sistem UePMO dan Dashboard Power BI. Sistem ini membantu memantau pencapaian kemajuan projek dibawah inisiatif strategik UiTMLaw. PD perlu membuat pengesahan kemajuan setiap projek di dalam sistem UiSMS, manakala PSTU perlu membuat pengesahan kemajuan PI berdasarkan jadual pelaporan petunjuk prestasi di dalam sistem UePMO, menunjukkan **penugasan** yang strategik (Rujuk 2.4.1.2 Carta Alir Proses Pelaporan Pencapaian KPI dan PI Bulanan 2023 daripada BTU).

Pemantauan PS juga dibuat menerusi Audit Dalam dimana PSTU diaudit oleh auditor berkenaan proses serta pemantauan program-program yang dirancang bagi memastikan **akauntabiliti** (Rujuk 2.4.1.3 Ceraian Laporan Audit Dalam 2023). Hasil laporan Audit Dalam dilaporkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan membuktikan **integriti** sentiasa diutamakan (Rujuk 2.4.1.4 Ceraian Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan).

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_P01_PB04_PC01_20241_2.4.1.1.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB04_PC01_20242_2.4.1.2.pdf](#)
3. [F0043_P01_PB04_PC01_20243_2.4.1.3.pdf](#)
4. [F0043_P01_PB04_PC01_20244_2.4.1.4.pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PS UiTMLaw telah mengenalpasti risiko-risiko berkaitan dalam merancang semua program-program bidang tumpuan JAKK. Risiko yang dikenalpasti adalah **risiko strategik**, **risiko kewangan** serta **risiko operasi**. Risiko-risiko ini dikenalpasti oleh setiap PD di dalam Bengkel Pemerkasaan Kepimpinan dan Perancangan Strategik. Risiko-risiko ini juga telah didaftarkan di dalam sistem UiSMS oleh setiap PD. (Rujuk 2.4.2.1 Tangkap Layar Pemetaan Risiko dan Projek).

Beberapa risiko bidang tumpuan JAKK telah berjaya dikenalpasti dan didaftarkan di dalam sistem UiSMS, menunjukkan adanya **pengurusan risiko**. Projek dan risiko yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a. *Projek FUU2023_03 Industry, Community and Alumni Outreach Project*: Risiko yang didaftarkan adalah R00302 (*Failure to produce graduates that meet employer's expectation*). Risiko yang didaftarkan adalah sederhana (*moderate*) dan *magnitude of impact* juga rendah. Pelan mitigasi yang didaftarkan adalah Mengelak dan Menerima (Avoidance and Acceptance).
- b. *Projek FUU2023_06 UiTMLaw Globalisation and Sustainable Development Project*: Risiko yang didaftarkan adalah R00101 (*Failure to secure sufficient endowment/wakaf funds/sponsorship/donation*). Risiko yang didaftarkan adalah sangat rendah (*very low*) dan magnitud kesan risiko tersebut adalah tidak ketara. Pelan mitigasi yang didaftarkan adalah Menerima (Acceptance).

(Rujuk 2.4.2.2 Ceraian Laporan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_P01_PB04_PC02_20241_2.4.2.1.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB04_PC02_20242_2.4.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan dan kenal pasti risiko yang dilaporkan di dalam sistem UiSMS (walaupun risiko yang didaftarkan adalah sederhana, rendah dan sangat rendah) **dibentangkan secara berkala melalui mesyuarat, sesi perbincangan dengan PD, taklimat dan nota pendek (melalui medium maya dan fizikal)** bagi memastikan **komunikasi** dan **keterlibatan**.

Mekanisma penerangan pemantauan dan kenalpasti risiko dapat dilihat di dalam pelbagai tangkap layar perbualan *Whatsapp* di dalam kumpulan PS UiTMLaw (Rujuk 2.4.3.1 Tangkap Layar Perbincangan Hasil Pemantauan dan Kenal Pasti Risiko PI 2023).

Hasil penganalisan PS 2022 telah dikongsi dengan warga jabatan melalui Mesyuarat Staf Akademik di mana PSTU membentangkan laporan pencapaian. Contohnya, laporan penganalisan PI 2022 menunjukkan 53 petunjuk prestasi mencapai 100% pencapaian daripada 64 petunjuk prestasi yang diperturunkan oleh pihak Pengurusan Universiti kepada UiTMLaw. (Rujuk 2.4.3.2 Ceraian Minit Mesyuarat Staf Akademik Bilangan 159/2023).

Oleh yang demikian, PSTU dan warga UiTMLaw dimohon menekankan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan pada tahun 2023 bagi membolehkan UiTMLaw berada di tahap yang lebih baik Keseluruhannya sinergi **keterlibatan** serta input nilai tambah dari warga telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung ke arah peningkatan dan **pemeriksaan** kualiti PS UiTMLaw. (Rujuk 2.4.3.3 Tangkap Layar Perbincangan Penambahbaikan PI 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_P01_PB04_PC03_20241_2.4.3.1.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB04_PC03_20242_2.4.3.2.pdf](#)
3. [F0043_P01_PB04_PC03_20243_2.4.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan OS IMPACT diamalkan oleh seluruh warga UiTMLaw di dalam melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing. Pelaksanaan 15 projek (di mana 50 aktiviti dirangka dan 18 daripadanya adalah bidang tumpuan JAKK) seperti yang dizahirkan semasa Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik Fakulti Undang-Undang pada Januari 2023 (untuk perancangan tahun 2023) menjadi sumber kekuatan UiTMLaw di dalam membentuk kerjasama dan sinergi **keterlibatan** bersama alumni, komuniti dan menyumbang kepada semangat kesukarelawan. Pembudayaan amalan IMPACT dititip bersama komuniti UiTM secara menyeluruh melalui projek-projek yang berimpak tinggi dan berinovasi (Rujuk 2.5.1 Contoh Senarai Aktiviti Bidang Tumpuan JAKK UiTMLAW).

Menyahut aspirasi *Globally Marketable UiTM* dengan penekanan bidang tumpuan JAKK, **satu inovasi telah dihasilkan** apabila PS UiTMLaw telah menubuhkan secara rasmi Klinik Bantuan Guaman di mana pensyarah-pensyarah dan pelajar UiTMLaw dijemput untuk bertindak sebagai penasihat kepada pelanggan klinik guaman. **Inovasi program** ini mendapat sokongan daripada UiTM apabila ianya dirasmikan dengan jayanya oleh Naib Canselor, UiTM (Rujuk 2.5.2 Gambar Perasmian Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw). **Inovasi penubuhan** Klinik Bantuan Guaman juga berjaya mendapat pengiktirafan di luar UiTM apabila dilaporkan di dalam akhbar tempatan (Rujuk 2.5.3 Keratan Berita Utusan Malaysia 19 September 2023).

PS UiTMLaw juga telah melalui satu fasa **inovasi** apabila PSTU memperkenalkan **Kod QR UiTMLaw PS2U** (Perancangan Strategik *To You*) untuk membolehkan warga UiTMLaw cakna dengan PS UiTMLaw. Apabila warga UiTMLaw mengimbas kod QR ini, maklumat perancangan strategik dipaparkan dan perluasan kepada seluruh jabatan dapat dilaksanakan, memastikan **komunikasi**, dan **keterlibatan** yang berkesan, yang seterusnya memastikan **keterangkuman**. Di dalam *google drive* tersebut, akses diberikan kepada seluruh warga jabatan dengan emel organisasi. Kandungan *google drive* meliputi Laporan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik, Laporan Pencapaian PI dan analisa berkala. Inovasi UiTMLaw PS2U membolehkan penyebaran maklumat PS UiTMLaw kepada warga UiTM dilaksanakan dengan pantas, jimat kos dan meningkatkan nilai PS UiTMLaw (Rujuk 2.5.4 Tangkap Layar Kod QR dan Google Drive PS2U).

Hasil dari inovasi dan pencapaian PS UiTMLaw telah mendapat pengiktirafan daripada UiTM melalui Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023). Untuk kategori perancangan strategik, UiTMLaw berjaya membawa pulang Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik (KPI Tinggi, SAP Tinggi) 2023, membuktikan **pemeriksaan** dalam perancangan strategik (Rujuk 2.5.5 Sijil AKPU 2023 - Pelan Tindakan Strategik Terbaik).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_P01_PB05_20241_2.5.1.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB05_20242_2.5.2.pdf](#)
3. [F0043_P01_PB05_20243_2.5.3.pdf](#)
4. [F0043_P01_PB05_20244_2.5.4.pdf](#)
5. [F0043_P01_PB05_20245_2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw sentiasa menitikberatkan keperluan dan maklum balas pelanggan khususnya bidang tumpuan JAKK yang menjurus kepada tema **Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Pelanggan UiTMLaw ditakrifkan sebagai **pelanggan misi, pelanggan proses, pelanggan dalaman** dan **pelanggan luar**. **Pelanggan misi** ialah ibubapa/penjaga, penaja pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi dan UiTM. **Pelanggan proses** pula ialah pelajar yang berdaftar dan mengikuti program-program di FUU. Seterusnya, **pelanggan dalaman** terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar manakala **pelanggan luar** ialah Universiti, alumni, komuniti, industri, agensi kerajaan dan swasta serta ibu bapa. Kesemua perancangan berkaitan maklum balas pelanggan diselarikan dengan Dasar Kualiti dan Manual Kualiti UiTMLaw dan Pelan Strategik UiTM 2020 - 2025. Pengurusan Eksekutif UiTMLaw menjadikan data maklum balas sebagai titik tumpuan memastikan bidang tumpuan JAKK dapat dilaksanakan dengan sistematik dan efisien. Perancangan ini juga memastikan **keterlibatan** UiTMLaw untuk **memperkasakan** tumpuan kepada keperluan dan maklum balas pelanggan.

Perancangan

Untuk memastikan data aduan dan maklumbalas dapat dikumpul, dikenalpasti serta dianalisa untuk tujuan penambahbaikan, **penugasan** telah diturunkan kepada **Jawatankuasa Analisa Data dan Pengurusan Pelanggan** di bawah Unit Kualiti UiTMLaw. Ketua Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab memastikan semua hal-hal berkaitan aduan dan maklumbalas pelanggan dapat diuruskan dengan berkesan dan terancang.

Pelaksanaan

Pengumpulan aduan dan maklumbalas pelanggan dibuat menerusi pelbagai platform konvensional serta platform digital bersesuaian dengan Dasar Kualiti dan Manual Kualiti UiTMLaw. Jawatankuasa Analisa Data dan Pengurusan Pelanggan, Unit Pengurusan Kualiti dan juga Pengurusan Eksekutif UiTMLaw telah mengambil inisiatif dan menyediakan platform bagi tujuan yang sama melalui **inovasi kaedah Kod QR dan Google Form** untuk mendapat maklum balas spesifik terutamanya daripada pelanggan dalaman.

Pemantauan

Aduan dan maklum balas pelanggan merupakan salah satu aspek penting di dalam pelaksanaan bidang tumpuan JAKK yang efektif. Kutipan data aduan dan maklum balas pelanggan dibuat oleh Unit Pengurusan Kualiti UiTMLaw, dibantu oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dan Penyelaras Pengurusan Risiko melalui pelbagai platform dan kaedah. Pengurusan Eksekutif turut mengambil langkah memastikan kebajikan pelajar sebagai pelanggan dipantau dan diutamakan. Pemantauan kepada pencapaian dan permasalahan oleh Unit Kualiti, Unit Perancangan Strategik Fakulti dan Unit Risiko telah membantu UiTMLaw membuat tindakan kepada aduan dan maklum balas pelanggan secara efisien.

Tindakan Penambahbaikan

UiTMLaw sentiasa proaktif dan bersedia membuat tindakan penambahbaikan kepada maklumbalas dan aduan pelanggan. Pelaporan tindakan penambahbaikan dapat

dimanifestasikan melalui seliaan Pengurusan Eksekutif UiTMLaw secara berkala dan sistematik. Pelbagai platform digunakan bagi tujuan mengenalpasti tindakan penambahbaikan. Pengurusan Eksekutif UiTMLaw juga telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan kebajikan pelajar sebagai pelanggan diutamakan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan UiTMLaw dikenal pasti terdiri daripada pelanggan proses, pelanggan dalaman dan pelanggan luar. **Pelanggan proses** merupakan pelajar yang berdaftar dan mengikuti program-program di FUU, manakala **pelanggan dalaman** terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar. **Pelanggan luar** ialah Universiti, alumni, komuniti, industri, agensi kerajaan serta swasta dan ibu bapa. Bagi memenuhi bidang tumpuan JAKK, UiTMLaw menumpukan perhatian kepada kategori **pelanggan proses** dan **pelanggan luar** iaitu pelajar, alumni, komuniti dan industri. (Rujuk 3.2.1 Piagam Pelanggan UiTMLaw).

UiTMLaw menitik berat dan prihatin akan keperluan para pelanggan dan memastikan perancangan sistematik disediakan dan diambilkira bagi memenuhi tujuan tersebut. Untuk tujuan ini, Jawatankuasa Analisa Data dan Pengurusan Pelanggan telah dilantik dibawah Unit Kualiti UiTMLaw (Rujuk 3.2.2 Surat Pelantikan Jawatankuasa Maklumbalas Pelanggan di bawah Unit Pengurusan Kualiti).

Sepertimana yang diketahui umum, aduan dan maklum balas pelanggan boleh dibuat melalui laman web UiTM secara umum dengan mengisi e-Aduan UiTM, e-Aduan Fasiliti dan e-Aduan ICT. Di peringkat dalaman UiTMLaw, staf akademik dan staf pentadbiran juga boleh membuat aduan melalui **platform whatsapp rasmi staf** UiTMLaw. Cara ini didapati merupakan cara yang **efektif, efisien dan pantas** di mana penambahbaikan boleh diambil serta-merta. Contoh aduan adalah berkenaan kerosakan fasiliti, tingkah laku pelajar dan keselamatan. Aduan ini terus disalurkan kepada staf ICT atau Polis Bantuan untuk tindakan segera (Rujuk 3.2.3 Tangkapan Layar Aduan melalui platform whatsapp rasmi UiTMLaw).

Kesungguhan UiTMLaw di dalam memastikan suara pelajar, alumni, komuniti dan juga industri didengar bagi tujuan penambahbaikan bidang tumpuan JAKK dapat dilihat apabila UiTMLaw menyediakan platform bagi pelanggan menyuarakan aduan dan maklum balas. Pengumpulan aduan dan maklumbalas pelanggan dibuat menerusi pelbagai platform konvensional serta **inovasi platform digital** bersesuaian dengan Dasar Kualiti dan Manual Kualiti UiTM (Rujuk 3.2.4 Dasar Kualiti dan Ceraian Manual Kualiti; Proses Maklum Balas Pelanggan).

Untuk pelanggan luar, Klinik Bantuan Guaman yang memfokuskan **khidmat kepada komuniti** secara percuma telah membuat **inovasi** yang dinamakan **LAC Navigator** yang merupakan buku panduan dan tatacara pelanggan dalam mendapatkan khidmat nasihat guaman dari Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw. **Hasil inovasi LAC Navigator** ini telah berjaya meraih pingat perak di dalam pertandingan Malaysia Grand Invention Expo (MaGIEEx) 2023 dan telah diterbitkan sebagai karya hak cipta (Rujuk 3.2.5 Ceraian Buku Panduan LAC Navigator dan Anugerah MaGIEEx 2023 (Pingat Perak) dan Hasil Hak Cipta *LAC Navigator*)

Selain itu, UiTMLaw turut menyediakan platform untuk pelanggan menyalurkan aduan dan maklum balas secara khusus melalui laman web Fakulti Undang-Undang. Jawatankuasa Analisa Data dan Pengurusan Pelanggan, Unit Pengurusan Kualiti dan juga Pengurusan Eksekutif UiTMLaw telah mengambil inisiatif dan menyediakan platform bagi tujuan yang sama melalui kaedah **Kod QR** dan *Google Form* untuk mendapat maklum balas spesifik terutamanya pelanggan dalaman.

-
1. [F0043_T01_TB02_20241_3.2.1.pdf](#)
 2. [F0043_T01_TB02_20242_3.2.2.pdf](#)
 3. [F0043_T01_TB02_20243_3.2.3.pdf](#)
 4. [F0043_T01_TB02_20244_3.2.4.pdf](#)
 5. [F0043_T01_TB02_20245_3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi aduan dan maklum balas pelanggan proses, Unit Pengurusan Kualiti UiTMLaw (melalui Jawatankuasa Analisa Data dan Pengurusan Pelanggan) **mengumpul data hasil aduan dan maklumbalas** yang diterima daripada pelanggan, **menganalisa dan seterusnya mengenalpasti risiko**. Contoh hasil maklumbalas yang diambil tindakan adalah berkaitan (Orang Kurang Upaya). Untuk 2023, pengurusan eksekutif UiTMLaw telah mengambil langkah drastik dengan mengubahsuai fasiliti bersesuaian dengan keperluan pelajar OKU. Ini termasuk menyediakan kelas yang kondusif, fasiliti yang mudah diakses dan mesra OKU (Rujuk 3.3.1 Surat Permohonan Penyediaan dan Menaiktaraf Kemudahan OKU kepada Jabatan Infrastruktur dan Gambar-gambar Berkaitan).

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw bersama Unit Kualiti juga **mengumpul data** aduan dan maklum balas pelanggan luar yang terdiri daripada alumni, komuniti dan industri. Pengumpulan aduan dan maklum balas pelanggan dapat dilihat melalui *Google Form* yang diedarkan kepada peserta dan pelanggan luar sejurus selepas program tamat (Rujuk 3.3.2 Maklumbalas *Google Form* Program *Mentorship*).

Data maklumbalas pelanggan luar juga dikumpul daripada Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw. **Emel perluasan perkhidmatan** ini melibatkan **keterangkuman** di mana ia telah dihantar **ke seluruh sistem UiTM** melalui emel rasmi Korporat FUU (Rujuk 3.3.3 Emel Khidmat Percuma Klinik Bantuan Guaman Fakulti Undang-Undang, UiTM). Untuk tahun 2023, seramai 56 pelanggan luar daripada pelbagai latar belakang telah mendapatkan khidmat percuma ini.

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw melalui Koordinator Korporat turut mengambil inisiatif **mengumpul aduan dan maklum balas yang diterima dari pelanggan luar** secara langsung di kaunter pejabat akademik UiTMLaw, borang maklum balas pelanggan, e-Aduan UiTM, laporan akhbar, melalui medium elektronik (emel, Whatsapp, Telegram) dan media social (Facebook, Twitter, Instagram) (Rujuk 3.3.4 Data Aduan dan Maklum Balas Unit Korporat). Pengumpulan **aduan dan maklum balas** ini melibatkan **keterangkuman kategori pelanggan dan kepelbagaian medium aduan dan maklum balas**.

Jawatankuasa Analisa Data dan Pengurusan Pelanggan mengambil inisiatif **menyimpan data maklum balas** melalui *Google Drive* kerana kaedah ini dilihat sebagai kaedah yang paling efektif. Penggunaan *google drive* dapat memudahkan proses sinkronisasi, selain mempunyai storan yang besar dan boleh menyimpan pelbagai jenis format fail. Link *Google Drive* ini dikongsi dengan semua ahli Pengurusan Eksekutif UiTMLaw untuk tujuan pemantauan (Rujuk 3.3.5 Prosedur Kualiti Maklumbalas Pelanggan).

Google Drive yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Analisa Data dan Pengukuran Pelanggan dan dikongsi dengan Pengurusan Eksekutif juga **melalui proses kenal pasti**. Proses kenal pasti ini dibahagikan mengikut kategori pelanggan seperti aduan dan maklum balas pelajar, staf akademik, staf pentadbiran, industri dan komuniti. Selain itu maklumat aduan dan maklum balas juga dibahagikan kepada kategori tujuan aduan dan maklum balas seperti aduan fasiliti, ICT, salah laku dan permasalahan am.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB03_20241_3.3.1.pdf](#)
2. [F0043_T01_TB03_20242_3.3.2.pdf](#)
3. [F0043_T01_TB03_20243_3.3.3.pdf](#)
4. [F0043_T01_TB03_20244_3.3.4.pdf](#)
5. [F0043_T01_TB03_20245_3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dapatan analisa daripada aduan dan maklum balas pelanggan yang diterima memberi peluang kepada UiTMLaw melakukan **inovasi penambahbaikan** bagi bidang tumpuan JAKK. Beberapa **inisiatif ganjaran** dan **kebaikan** diperlihatkan oleh UiTMLaw bagi mengekalkan hubungan baik dengan semua pelanggan.

Melalui pelaksanaan program berkala (dua kali setahun) **Career Networking** serta **Career Webinar and Forum**, para pelajar di Fakulti Undang-Undang khususnya pelajar-pelajar tahun akhir (Semester 7 dan 8) mendapat **manfaat** yang tinggi melalui **program inovasi dan pemindahan ilmu** (*knowledge transfer programme*) di mana mereka mendapat pendedahan awal dari para alumni berkaitan hal-hal praktikal di dalam industri dan pilihan kerjaya (Rujuk 3.4.1.1 Program Berterusan *Career Networking* dan Program Anjuran Kelab ALSA UiTMLaw 2023).

Pemantauan yang berterusan ke atas pelaksanaan program yang melibatkan pelanggan luar memberi kebaikan kepada **komuniti** itu sendiri di mana UiTMLaw melalui **Klinik Bantuan Guaman (KBG)** menyediakan khidmat bantuan guaman. **Hasil pemantauan berterusan dan kaji semula pengurusan, penjenamaan semula** Klien Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw telah dirasmikan pada bulan September 2023. (Rujuk 3.4.1.2 Ceraian Minit Mesyuarat MPE dan Gambar-gambar Sesi Bengkel Latihan Pelatih dan Khidmat Nasihat Perundangan di Klinik Bantuan Guaman).

KBG juga memberi manfaat kepada **staf akademik** selaku pelanggan dalaman juga mendapat pengiktirafan sebagai pakar perunding dalam memberikan khidmat nasihat perundangan. **Pelajar** sebagai pelanggan proses turut mendapat manfaat pendedahan kepada pengalaman mengendalikan operasi harian Klinik Bantuan Guaman dan juga membantu pakar perunding semasa sesi konsultasi. Secara langsung, **pemantauan bidang tumpuan** JAKK dapat memenuhi OS IMPACT 1 iaitu melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni.

Ganjaran berbentuk kewangan juga diberi kepada staf akademik melalui pemberian **kelulusan peruntukan latihan** sebanyak RM1500. Kelulusan ini diberikan untuk pensyarah menghadiri/membentang kertas kerja di seminar/konferens di dalam atau luar negara (ASEAN) bagi tahun 2023. Hasil kajian pensyarah-pensyarah ini diterjemah ke dalam bentuk penerbitan di mana **perkongsian ilmu kepada komuniti** diterapkan (Rujuk 3.4.1.3 Ceraian Pekeliling Dekan Bilangan 1/2023).

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw menterjemah sumbangan cemerlang daripada staf dan pelajar melalui **Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum 2023**. Pelbagai kategori anugerah disediakan dan diberi kepada mereka yang cemerlang di dalam pelaksanaan OS IMPACT (Rujuk 3.4.1.4 Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum 2023).

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_T01_TB04_TC01_20241_3.4.1.1.pdf](#)
2. [F0043_T01_TB04_TC01_20242_3.4.1.2.pdf](#)
3. [F0043_T01_TB04_TC01_20243_3.4.1.3.pdf](#)
4. [F0043_T01_TB04_TC01_20244_3.4.1.4.pdf](#)
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara **risiko yang dikenalpasti** yang menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan maklumbalas pelanggan adalah terdiri daripada **risiko operasi yang melibatkan kekurangan respon, penyebaran maklum balas pelanggan yang tidak meluas** serta **kebocoran maklumat maklumbalas pelanggan**. Selain daripada itu, terdapat juga risiko di mana **data-data aduan maklumbalas yang dikumpul tidak dapat diambil tindakan** kerana maklum balas pelanggan bukan di bawah bidang kuasa UiTMLaw.

Bagi bidang tumpuan JAKK, tiga risiko yang melibatkan pelanggan dikenalpasti iaitu; **pertama**, risiko **kebocoran maklumat** klien, risiko **kedua** adalah **ketidaktepatan nasihat perundangan** yang diberi di dalam pengoperasian Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw. Risiko **ketiga** yang dikenalpasti ialah **kos operasi** seperti kos promosi, percetakan dan elaun makan pelatoh (pelajar) ditanggung sendiri oleh pihak fakulti. **Pengenalpastian risiko** ini penting untuk memastikan UiTMLaw menjalankan **pengurusan risiko** yang efektif seperti yang telah dikenalpasti didalam Buku Panduan LAC *Navigator* (Rujuk 3.4.2.1 Ceraian Buku Panduan LAC Navigator).

Pengurusan risiko bagi risiko pertama iaitu bagi kebocoran maklumat klien dijalankan dengan **tindakan pencegahan** seperti menyediakan **borang Perjanjian Kerahsiaan** yang perlu diisi dan ditandatangani oleh semua yang terlibat dalam operasi Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw (Rujuk 3.4.2.2 Borang Perjanjian Kerahsiaan).

Bagi risiko kedua iaitu ketidaktepatan nasihat perundangan, **pengurusan risiko** dijalankan dengan memaklumkan klien tentang penafian liabiliti (**disclaimer**) berkenaan ketepatan khidmat nasihat yang diberikan (Rujuk 3.4.2.3 Penafian LAC).

Bagi risiko ketiga iaitu kos operasi Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw, **pengurusan risiko** dibuat dengan melakukan permohonan peruntukan dibuat kepada Tabung Amanah Fakulti Undang-Undang dari masa ke semasa berdasarkan keperluan. Untuk tujuan ini, sumbangan daripada alumni dan staf/komuniti digunakan untuk pengoperasian Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw (Rujuk 3.4.2.4 Sumbangan Mantan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Hajah Roziah Mohd Janor).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB04_TC02_20241_3.4.2.1.pdf](#)
2. [F0043_T01_TB04_TC02_20242_3.4.2.2.pdf](#)
3. [F0043_T01_TB04_TC02_20243_3.4.2.3.pdf](#)
4. [F0043_T01_TB04_TC02_20244_3.4.2.4.pdf](#)
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan kepada pencapaian dan permasalahan oleh Unit Kualiti, Unit Perancangan Strategik dan Unit Risiko telah membantu UiTMLaw membuat tindakan kepada maklumbalas dan aduan pelanggan secara efisien.

Maklum balas pelanggan yang telah dikenal pasti dan tidak dapat diselesaikan oleh pegawai bertanggungjawab **dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif** yang menjadi salah satu platform dan **keterlibatan** amalan pengurusan di UiTMLaw (Rujuk 3.4.3.1 Ceraian Laporan Aduan Maklum Balas Pelanggan 2023).

Maklum balas yang telah dikenalpasti dari pengoperasian Klinik Bantuan Guaman **merangkumi** maklum balas klien, maklum balas pakar perunding dan maklum balas pelatih. Secara amnya, kesemua maklum balas dari klien, pakar perunding dan pelatih meliputi pengendalian dan pengoperasian Klinik Bantuan Guaman. Maklum balas klien melibatkan proses pengendalian kes dan kualiti perkhidmatan oleh Klinik Bantuan Guaman (Rujuk 3.4.3.2 Maklum Balas Klien). Manakala contoh maklum balas dari pakar perunding pula adalah klien tidak menepati masa, tidak membawa dokumen yang berkaitan dan tidak menghormati proses perundingan itu sendiri (Rujuk 3.4.3.3 Maklum Balas Pakar Perunding). Seterusnya, maklum balas dari pelatih adalah kesukaran untuk mendapatkan tarikh berkelapangan pakar perunding (Rujuk 3.4.3.4 Maklum Balas Pelatih).

Hasil analisa maklumbalas pelanggan ini dikongsi dengan warga jabatan melalui emel rasmi dan platform whatsapp rasmi staf Fakulti Undang-Undang (Rujuk 3.4.3.5 Rujuk Tangkap Layar Analisa Maklumbalas Pelanggan UiTMLaw).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB04_TC03_20241_3.4.3.1.pdf](#)
2. [F0043_T01_TB04_TC03_20242_3.4.3.2.pdf](#)
3. [F0043_T01_TB04_TC03_20243_3.4.3.3.pdf](#)
4. [F0043_T01_TB04_TC03_20244_3.4.3.4.pdf](#)
5. [F0043_T01_TB04_TC03_20245_3.4.3.5.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan sistem pengurusan hasil daripada pengumpulan dan penganalisaan aduan dan maklumbalas pelanggan UiTMLaw dapat dilihat dengan **inovasi** yang dinamakan **LAC Navigator** yang merupakan buku panduan dan tatacara pelanggan dalam mendapatkan khidmat nasihat guaman dari Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw secara percuma (Rujuk 3.5.1 Ceraian Buku Panduan LAC Navigator). **Hasil inovasi LAC Navigator** ini telah berjaya meraih pingat perak di dalam pertandingan Malaysia Grand Invention Expo (MaGIEEx) 2023 dan telah diterbitkan sebagai karya hak cipta (Rujuk 3.5.2 Anugerah MaGIEEx 2023 (Pingat Perak) dan Hasil Hak Cipta *LAC Navigator*).

UiTMLaw juga dengan cemerlangnya telah menghasilkan **pelbagai inovasi** yang **menjurus kepada alumni, komuniti dan kesukarelawan** dan telah mendapat kejayaan dengan meraih 10 pingat di IIDEX 2023. Di bawah disenaraikan beberapa contoh inovasi tersebut mengikut kategori dan pingat:

1. AI-Luminator: Comprehensive AI Prompt-kit for Enhanced Legal Learning and Analysis - Komuniti (Emas)
2. ADR Educentre: The Ultimate Hub For Teaching And Learning - Komuniti (Silver)
3. Know Your Rights: Sale and Purchase of Landed Property from Housing Developers in Malaysia - Komuniti (Silver)
4. 2MyDear - Komuniti (Silver)
5. EMSAAF - Komuniti (Silver)
6. Environmental Justice Community Engagement - Komuniti/Kesukarelawan (Silver)
7. Easy Guide to Outer Space Law in Malaysia - Alumni (Bronze)
8. MILSPuzzles - Komuniti (Bronze)
9. UiTM Street Law Website - Kesukarelawan (Bronze)
10. i-Aware Equal Education: Crafting A UserFriendly Software To Empower And Educate - Komuniti (Bronze)

(Rujuk 3.5.3 Senarai Penuh 10 kontinjen di IIDEX 2023)

Di samping itu, hasil maklumbalas pelajar, UTMLaw meneruskan program **UiTMLaw Care**. Program ini berjaya mendapatkan sumbangan daripada alumni dan pensyarah sebanyak **RM36,000.00** untuk disalurkan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan. Sumbangan ini telah diagihkan semasa bulan Ramadhan untuk persediaan menyambut Aidilfitri 2023 (Rujuk 3.5.4 Ceraian Minit Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil 10/2023 dan Bil 11/2023 (Khas).

Daripada hasil analisa **maklumbalas komuniti**, Program Celik Undang-Undang UiTMLaw diteruskan untuk tahun 2023. Program ini bukan sahaja dijalankan melalui pelbagai platform, malah turut **menembusi peringkat antarabangsa**. Sebagai contoh, pensyarah-pensyarah berkongsi kepakaran bersama komuniti sama ada secara fizikal, atas talian atau melalui jemputan media arus perdana. Antara perkongsian tersebut adalah:

- i. "Sayangkan Anak Tinggal-tinggalkan?" - Prof Madya Dr Nur Ezan Rahmat - RTM (Pesona XY)
- ii. "Gangguan Seksual: Jangan Berdiam Diri" - Puan Mimi Sintia Mohd Bajury - Bernama TV (Apa Khabar Malaysia)
- iii. "Bridging the Gap: Enhancing Biosafety and Biosecurity Regimes for a Secure Future" - Prof Madya Dr Siti Hafsyah Idris, Expert Speaker, Islamabad, Pakistan
- iv. "Adakah Rakyat Malaysia Faham Undang-undang?" -Dr Azni Mohd Dian -Radio IKIM (slot Topik Pagi)
- v. "Pemasangan CCTV -Beri Lebih Jaminan Keselamatan Kanak-kanak -PM Dr

Nadzriah Ahmad -TV1

vi. “Guest lecture-Malaysian Perspective on Intellectual Property Law” -Dr Nor Akmal Hasnim – International Relation Office, Faculty of Law, Universitas Brawijaya, Indonesia

vii. “Guest Lecture-Her Voice, Our Future:Women’s Rights in Politics” -Dr Norazlina Abdul Aziz - Faculty of Law, Universitas Airlangga, Indonesia (Academic Lecture Program)

viii. “Kuliah Umum :Hukum Alternatif di Malaysia’ – Dr Rafizah Abu Hassan -Fakultas Hukum Universitas Trisakti, Indonesia (Program Studi Doktor Ilmu Hukum)

(Rujuk 3.5.5 Poster Perkongsian Program Celik Undang-Undang UiTMLaw 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB05_20241_3.5.1.pdf](#)
2. [F0043_T01_TB05_20242_3.5.2.pdf](#)
3. [F0043_T01_TB05_20243_3.5.3.pdf](#)
4. [F0043_T01_TB05_20244_3.5.4.pdf](#)
5. [F0043_T01_TB05_20245_3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aspek pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan amat penting bagi pengiktirafan global ke atas sistem pendidikan tinggi Malaysia. Pengukuran dan analisis dalam pelbagai aspek seperti kebolehpasaran graduan, hasil penyelidikan, penerbitan dan kualiti serta kedudukan institusi perlu seiring dengan aspirasi **Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Visi dan Misi UiTM** serta **UiTMLaw**. Dalam mencapai matlamat ini, sinergi dan inovasi komuniti akademik di Malaysia, sumbangan sektor kerajaan dan swasta serta **keterlibatan** industri dan alumni amat diperlukan. Graduan UiTM perlu dipersiapkan menerusi sistem pendidikan yang holistik untuk menghadapi masa depan yang mencabar di samping menjunjung **prinsip akauntabiliti dan integriti**. Menyahut cabaran ini, **Pelan Strategik UiTM 2025** mensasarkan perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni dengan menegenahkan tema **Kebolehpasaran Global 2023**.

Perancangan

Bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025, UiTMLaw melalui bidang tumpuan JAKK merangka **3 Objektif Strategik (OS) IMPACT**. Ianya adalah:

- i) Melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni.
- ii) Memberi kesedaran dan pemahaman undang-undang kepada komuniti.
- iii) Membudayakan khidmat kesukarelawanan di kalangan warga UiTMLaw.

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw melalui sumbang saran di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) telah menetapkan pengukuran pencapaian JAKK adalah berdasarkan:

- i) Penunjuk Prestasi (*Performance Indicator*)
- ii) Objektif Kualiti UiTMLaw melalui **Objektif 5** dan **Objektif 6** (Objektif 5 - Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan dengan jumlah keseluruhan sekurang-kurangnya 150,000 setiap tahun; Objektif 6 - Memastikan kadar kebolehpasaran siswazah sarjana muda melebihi 85%)
- iii) Visi UiTMLaw

Pelaksanaan

Pengumpulan data adalah satu aspek penting di dalam pengukuran pencapaian dan pelaksanaan bidang tumpuan JAKK yang efektif. Data yang diperolehi melalui **2 sumber utama** iaitu Sistem Data UiTM dan Sistem Data UiTMLaw disalurkan dan seterusnya diperlihatkan melalui **penugasan** pemantauan dan analisa data oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU), Koordinator ICAN dan Pengarah Projek yang merancang aktiviti di dalam Bengkel Pelan Tindakan Strategi.

Pemantauan

Hasil pengumpulan, perkongsian dan perbincangan analisa data yang dibuat berdasarkan Skor i-UiTM, QS *Ranking*, *MyGrant*, iReS dan Laporan Penemuan Audit dijadikan **panduan bagi tujuan pemantauan**. Analisa dan pelaporan data juga dibincangkan dan dipantau di medium seperti Bengkel Perancangan Strategik, MPE, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF).

Tindakan Penambahbaikan

Berpandukan **OS IMPACT**, UiTMLaw sentiasa proaktif dan komited menjayakan tindakan penambahbaikan hasil daripada pemantauan dan analisa data yang telah dibincangkan. Ianya memperlihatkan sinergi dan inovasi warga UiTMLaw bersama dengan warga UiTM seperti ICAN Pusat Asasi UiTM dan kampus cawangan serta penglibatan pihak industri.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran dan **analisa** bagi pencapaian bidang tumpuan JAKK dibuat di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif secara **berkala** dan di dalam Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023 berdasarkan **pencapaian skor i-UiTM** dan instrumen-instrumen lain seperti **QS Ranking** dan **Laporan Audit Dalam** (Rujuk 4.2.1 Minit Mesyuarat MKSP Bil 01/2023).

Untuk tujuan bidang tumpuan JAKK, pengukuran adalah berpandukan **langkah inovasi** berdasarkan OS *IMPACT* yang berteraskan **I (Integrity)**, **M (Mindful)**, **P (Proactive)**, **A (Agile)**, **C (Committed)** dan **T (Tenacity)**. **OS IMPACT** adalah seperti di bawah:

- i) Melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni.
- ii) Memberi kesedaran dan pemahaman undang-undang kepada komuniti.
- iii) Membudayakan khidmat kesukarelawanan di kalangan warga UiTMLaw.

Melalui **perkongsian pengetahuan** oleh Pengurusan Eksekutif dan PSTU di dalam Bengkel Perancangan Strategik, warga UiTMLaw merancang dan seterusnya melaksanakan pelbagai projek berdasarkan pengurusan, pengukuran dan analisa data-data berkaitan seperti:

a. *Performance Indicator* (PI) 2023 berkaitan bidang tumpuan JAKK - **PI yang ditetapkan kepada UiTMLaw** berkaitan Bidang Tumpuan JAKK merangkumi **22 sasaran** (Rujuk 4.2.2 Senarai PI Bidang Tumpuan JAKK).

b. Objektif Kualiti UiTMLaw berkaitan bidang tumpuan JAKK adalah:

- i. **Objektif 5:** Memastikan Fakulti mendapat geran penyelidikan dengan jumlah keseluruhan sekurang-kurangnya RM150,000 setiap tahun (UiTMLaw jaringan industri dan komuniti)
- ii. **Objektif 6:** Memastikan kadar kebolehpasaran - siswazah sarjana muda melebihi 85 (Rujuk 4.2.3 Objektif Kualiti 5 & 6 UiTMLaw) dan;

c. Visi UiTMLaw berkaitan bidang tumpuan JAKK - Menjadikan FUU sebuah Fakulti terkemuka dunia dalam bidang undang-undang menerusi program akademik dan professional, penyelidikan berkualiti serta **penglibatan khidmat masyarakat** bagi melahirkan **graduan holistik yang berdaya saing** (Rujuk 4.2.4 Visi UiTMLaw).

Penetapan PI serta Objektif Kualiti dan Visi UiTMLaw ini telah mengambil kira perkongsian maklumat daripada semua pelanggan dalaman dan luaran termasuk Bahagian Transformasi Universiti (BTU), input pejabat Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor sebagai pemegang PI dan input-input berimpak daripada alumni, industri dan komuniti. (Rujuk 4.2.5 Sesi perkongsian bersama pelanggan dalaman melalui Bengkel Pemantapan Inovasi Operasi Kerja dan Kecemerlangan Akademik)

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_A01_AB02_20241_4.2.1.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB02_20242_4.2.2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB02_20243_4.2.3.pdf](#)
4. [F0043_A01_AB02_20244_4.2.4.pdf](#)
5. [F0043_A01_AB02_20245_4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Secara tuntas, pengumpulan data yang efektif melalui pelaksanaan **instrumen pengukuran data** adalah satu aspek penting di dalam perluasan dan pengukuran pencapaian bidang tumpuan JAKK. Data berkaitan pengukuran pencapaian bidang tumpuan JAKK diperolehi melalui **DUA** sumber utama iaitu **Sistem Data UiTM** (Rujuk 4.3.1 Sistem Data UiTM) dan **Sistem Data UiTMLaw** (Rujuk 4.3.2 Sistem Data UiTMLaw). Antara sistem data UiTM yang diguna pakai untuk analisa data adalah UePMO, UiSMS, Dashboard Power BI, VC Tracking Report, Sistem SMART, SMARTHep, PRIME, FinEPortal, NILAMs dan iRES. Sistem Data UiTMLaw dibahagikan kepada Data Kewangan, Laporan PSTU serta Laporan Bidang Tumpuan JAKK.

Pelaksanaan keseluruhan sistem UiTM dititikberatkan dalam aspek pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi bidang tumpuan JAKK. Pengumpulan data dari dua sumber utama di atas **dilaksanakan** dengan mengguna pakai instrumen seperti sistem atas talian, borang maklum balas secara atas talian, buku log dan laporan penyelia.

Untuk memastikan **keterangkuman pengukuran data, instrumen** yang diguna oleh UiTMLaw bagi analisa data bidang tumpuan JAKK ialah:

- i) **Skor i-UiTM**: Pencapaian PI yang diukur **setiap bulan** dianalisa secara **suku tahunan** di dalam MPE dan Bengkel Perancangan Strategik. Pelaporan pengukuran pencapaian PI ini boleh diperolehi dari Dashboard Powerbi BTU.
- ii) **Laporan Audit**: Pengukuran kepatuhan terhadap mana-mana keperluan Piawaian ISO 9001:2015, Manual Kualiti, Prosedur Kualiti, atau peraturan/perundangan yang digunapakai. Pengukuran kepatuhan pelaksanaan operasi dan perkhidmatan UiTMLaw diukur sekurang-kurangnya **sekali setahun**. Laporan Audit juga **mengukur tindakan pemuliharaan** yang dibuat. Pelaporan pematuhan dizahirkan dengan kaedah **audit dalam** dan **audit susulan**. Hasil analisa data dibenteng dan dibincang di Mesyuarat bagi Pembentangan Penemuan Audit dan MKSP.
- iii) **QS Ranking**: Data perbandingan kedudukan universiti dunia yang memperincikan pencapaian universiti seperti reputasi akademik dan reputasi majikan dianalisa **tiga kali setahun** di dalam Mesyuarat *Ranking Champion* UiTMLaw.
- iv) **iReS (RMI Reporting System)** dan **MyGrant** - : Data jumlah geran penyelidikan yang diperolehi UiTMLaw terutamanya daripada pihak industri. Kekerapan dianalisa adalah empat kali setahun dan hasil analisa data dibentengkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif

Pengukuran data dan instrumen yang digunapakai oleh UiTMLaw adalah seperti yang tersenarai di dalam Jadual Instrumen Pengukuran Data UiTMLaw. (Rujuk 4.3.3 Jadual Instrumen Pengukuran Data UiTMLaw).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB03_20241_4.3.1.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB03_20242_4.3.2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB03_20243_4.3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dapatan analisa data bagi PI 2022 **dibentangkan** dan **dikongsikan** di dalam Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023 oleh Dekan UiTMLaw dan PSTU. Status pencapaian dibincangkan bagi melihat pencapaian UiTMLaw pada tahun 2022 dan seterusnya membincangkan strategi tahun 2023 untuk bidang tumpuan JAKK (Rujuk 4.4.1.1 Laporan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023).

Pencapaian PI dilaporkan setiap bulan kepada Pengurusan Eksekutif. Hasil perkongsian dan perbincangan pencapaian PI yang dibuat dijadikan panduan bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan melalui pelbagai sesi intervensi. Untuk tahun 2023, **langkah penambahbaikan dan intervensi** dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif dan Mesyuarat Staf (Rujuk 4.4.1.2 Ceraian Minit Mesyuarat Eksekutif Bilangan 4/2023).

Melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, proses pemantauan misi, visi dan objektif kualiti UiTMLaw dapat dilaksanakan dan perbincangan rancangan penambahbaikan dilakukan. **Pemantauan berkala** juga dibuat sebulan sekali oleh PSTU yang meneliti dan menganalisa pencapaian PI melalui instrumen Skor i-UiTM (Rujuk 4.4.1.3 Contoh Analisa Data Pencapaian PI bagi November 2023). Analisa data yang dibuat oleh PSTU turut dibincangkan bersama Dekan dan Timbalan-Timbalan Dekan serta Pengarah Projek JAKK melalui aplikasi *Whatsapp* yang ternyata memberikan tindakan rancangan **intervensi segera** dan impak yang berkesan. Pemantauan juga dibuat menerusi instrumen lain seperti *QS Ranking*, Laporan Audit dan MyGrant merujuk kepada bidang tumpuan JAKK.

Pemantauan juga dibuat bagi mendapatkan data dan merancang kaedah penambahbaikan bagi **perancangan** dan **solusi meningkatkan prestasi** bidang tumpuan JAKK (Rujuk Rajah 4.4.1.4 Jadual Tumpuan Pemantauan dan Kaedah Penambahbaikan UiTMLaw 2023).

Langkah dan proses pemantauan proaktif dan terarah yang dibuat telah memberi impak dan kesan positif kepada bidang tumpuan JAKK dan PI UiTMLaw secara keseluruhan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_A01_AB04_AC01_20241_4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB04_AC01_20242_4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB04_AC01_20243_4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0043_A01_AB04_AC01_20244_4.4.1.4.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Eksekutif, PSTU, Koordinator ICAN serta Pengarah setiap projek membuat analisa ke atas pelaksanaan program-program bagi **mengenalpasti risiko-risiko** untuk pemantauan dan kajian semula supaya isu dan masalah tidak berulang. Berikut merupakan contoh risiko-risiko yang dikenalpasti:

Risiko 1: Laporan Program Jaringan Alumni dan Komuniti Tidak Diterima Sebagai Pencapaian PI

Punca risiko: Projek komuniti yang dilaporkan di dalam PRIME Star Rating tidak mencapai 3 Star MyRA.

Impak: PI UiTMLaw terutama untuk bidang tumpuan JAKK tidak tercapai kerana program yang dilaksanakan tidak diiktiraf mencapai 3 Star MyRA.

Kawalan Risiko: Mengadakan sesi pemantauan bersama Pejabat TNC ICAN. Mesyuarat bersama pejabat TNC ICAN diadakan bagi menyelesaikan masalah ranking 3 star. Melalui mesyuarat tersebut, Pejabat ICAN membuat perkongsian maklumat Projek KaSEH UiTM mengenai Pemerkasaan Projek Komuniti (Rujuk 4.4.2.1 Ceraian Perkongsian Projek KaSEH oleh Pejabat ICAN).

Risiko 2: Laporan Program Bidang Tumpuan JAKK yang tidak lengkap

Punca risiko: Kepelbagaian format laporan program menyukarkan pendaftaran ke dalam sistem SMART.

Impak: Program bidang tumpuan JAKK yang melibatkan PI UiTMLaw tidak dikira dalam pencapaian sebenar.

Kawalan Risiko: Koordinator ICAN menyediakan **contoh laporan lengkap bersama templat** untuk diisi oleh Penyelaras Projek dan disalurkan kepada Koordinator ICAN (Rujuk 4.4.2.2 Contoh Templat Laporan Program ICAN).

Risiko 3: Sumbangan Alumni yang tidak atau lambat direkodkan

Punca Risiko: Tiada rekod sumbangan alumni seperti sumbangan kewangan atau barangan

Impak: Hasil sumbangan (terutama secara tunai) lupa/lambat direkodkan untuk tujuan audit

Kawalan Risiko dibahagikan kepada berikut:

i. Untuk tujuan rekod atau semak dan imbang, **wakil UiTMLaw telah dilantik sebagai Setiausaha Persatuan Alumni Fakulti Undang-Undang** (Rujuk 4.4.2.3 Carta Organisasi Persatuan Alumni Fakulti Undang-Undang Penggal 2021-2023).

ii. Semua **sumbangan alumni** (berbentuk barangan) kepada pelajar UiTMLaw perlu **disalurkan** kepada Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar). Sumbangan tunai pula disalurkan kepada akaun Bendahari Zon 7 (Rujuk 4.4.2.4 Maklumat Sumbangan Alumni UiTMLaw 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB04_AC02_20241_4.4.2.1.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB04_AC02_20242_4.4.2.2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB04_AC02_20243_4.4.2.3.pdf](#)
4. [F0043_A01_AB04_AC02_20244_4.4.2.4.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi bidang tumpuan JAKK, tindakan pencegahan dirancang dan dilaksanakan bagi setiap risiko **pengukuran, analisa** dan **pengurusan pengetahuan yang dikenalpasti** oleh Pengurusan Eksekutif, PSTU dan Koordinator ICAN. **Pengurusan risiko** ini ditambahbaik dengan pengumpulan data berkaitan, analisa keberkesanan tindakan dan dikongsi kepada warga UiTMLaw melalui mesyuarat dan platform seperti emel atau whatsapp bagi mewujudkan **komunikasi** dua hala antara pihak pengurusan dan staf. Contoh **penambahbaikan** berdasarkan risiko adalah seperti berikut:

Risiko 1

Punca risiko: Projek komuniti yang dilaporkan di dalam PRIME Star Rating tidak mencapai 3 Star MyRA.

Kawalan Risiko: Mengadakan sesi pemantauan bersama Pejabat TNC ICAN. Mesyuarat bersama pejabat TNC ICAN diadakan bagi menyelesaikan masalah ranking 3 star. Melalui mesyuarat tersebut, Pejabat ICAN membuat perkongsian maklumat Projek KaSEH UiTM mengenai Pemeraksanaan Projek Komuniti.

Tindakan Penambahbaikan: Koordinator ICAN dengan kerjasama TD PJI memastikan program bidang tumpuan JAKK dinilai oleh Pejabat ICAN untuk memastikan pencapaian PI (Rujuk 4.4.3.1 Ceraian Senarai Projek Star Rating Diterima Di Sistem Prime).

Risiko 2

Punca risiko: Kepelbagaian format laporan program menyukarkan pendaftaran ke dalam sistem PRIME.

Kawalan Risiko: Koordinator ICAN **menyediakan contoh laporan lengkap bersama templat** untuk diisi oleh Pengarah Projek dan disalurkan kepada Koordinator ICAN.

Tindakan Penambahbaikan: Koordinator ICAN dengan kerjasama TD PJI memastikan program yang dilaksanakan serta laporan lengkap mengikut format yang ditetapkan (Rujuk 4.4.3.2 Ceraian Contoh Laporan Lengkap).

Risiko 3

Punca Risiko: Tiada rekod sumbangan alumni seperti sumbangan kewangan atau barangan

Kawalan Risiko:

- i. Untuk tujuan rekod atau semak dan imbang, **wakil UiTMLaw telah dilantik sebagai Setiausaha** Persatuan Alumni Fakulti Undang-Undang
- ii. Semua **sumbangan alumni** (berbentuk barangan) kepada pelajar UiTMLaw perlu disalurkan kepada Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar). Sumbangan tunai pula disalurkan kepada akaun

Bendahari Zon 7. (Rujuk 4.4.3.3 Gambar Majlis Penyerahan Sumbangan Alumni - Program Inspirasi Alumni Bersama Pelajar 2023).

Tindakan Penambahbaikan: Pelantikan wakil UiTMLaw di dalam Persatuan Alumni dan pelarasan cara sumbangan (Rujuk 4.4.3.4 Ceraian Minit Mesyuarat Pelantikan Dr. Umar sebagai SU Persatuan Alumni FUU UiTM)

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB04_AC03_20241_4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB04_AC03_20242_4.4.3.2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB04_AC03_20243_4.4.3.3.pdf](#)
4. [F0043_A01_AB04_AC03_20244_4.4.3.4.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berdasarkan instrumen pengukuran analisa di atas, UiTMLaw komited untuk melaksanakan proses **penambahbaikan yang berterusan** dan **berinovasi** dan seterusnya melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing. Hasil data analisis menunjukkan **kenaikan peratusan** dari aspek kebolehpasaran graduan, geran penyelidikan daripada industri dan program yang berbentuk kesukarelawan.

Antara langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan berterusan bagi mengelak risiko-risiko lain adalah seperti:

i) Bengkel Gerak Kerja Inovasi (BEGKI) - bengkel ini telah dijalankan bagi meningkatkan **pemeriksaan** proses kerja warga UiTMLaw secara kolektif dan kreatif untuk persediaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). UiTMLaw telah berjaya menghantar dua kumpulan untuk bertanding di Konvesyen KIK UiTM Peringkat Zon Tengah 2023. Kedua-dua kumpulan berjaya meraih **Anugerah Penarafan Emas**. Salah satu kumpulan KIK UiTMLaw telah berjaya merangkul **Anugerah KIK Premier Terbaik Bidang Inovasi P&P (Kategori Penciptaan)**. Ini adalah satu langkah penambahbaikan bidang tumpuan JAKK dengan menjadikan pelajar sebagai tumpuan pelanggan dan komuniti (Rujuk 4.5.1 Bengkel BEGKI, Surat Pertandingan KIK, Gambar-Gambar Pertandingan Serta Sijil-Sijil Berkaitan).

ii) Bengkel Pemantapan Inovasi Operasi Kerja dan Kecemerlangan Akademik (BOKKA) - bengkel ini telah dijalankan bagi **memperkasa** proses kerja warga UiTMLaw secara kolektif dan kreatif untuk mempermudah proses Kecemerlangan Operasi (*Operational Excellence (OE)*). Untuk tahun 2023, melalui pelaksanaan bengkel tersebut, salah seorang staf pentadbiran UiTMLaw (Puan Intan Syazlina Mohd Ali) yang berkolaborasi dengan Kolej Pengajian Seni Kreatif dan Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik telah muncul **juara** di CHIPTA 2023 dalam kategori **Anugerah Inovasi Premier Sektor Awam**. Puan Intan Syazlina telah membuat perkongsian dan perluasan mengenai inovasi tersebut di RTM (Selamat Pagi Malaysia) (Rujuk 4.5.2 Gambar Pertandingan CHIPTA 2023, Sijil Pencapaian CHIPTA 2023 dan Poster Perkongsian di RTM).

iii) Bengkel **Let's Write and Publish** - Bengkel **Let's Write and Publish** telah dijalankan untuk beberapa siri bermula 2021. Untuk tahun 2023, bengkel ini memfokuskan kepada penerbitan bidang tumpuan JAKK. Sebanyak 27 artikel telah diterbitkan di dalam jurnal berwasit dan tidak berwasit (dalam dan luar negara) serta prosiding berindeks dan tidak berindeks oleh warga akademik UiTMLaw bagi **memperkasa** bidang tumpuan yang dipilih (Rujuk 4.5.3 Poster Penganjuran Bengkel Let's Write and Publish serta Senarai Penerbitan Berkaitan Bidang Tumpuan JAKK).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB05_20241_4.5.1.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB05_20242_4.5.2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB05_20243_4.5.3.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kompetensi dan **pemeriksaan** sumber manusia amat diperlukan untuk pembangunan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK). Sehubungan dengan itu, proses mengenal pasti kompetensi sumber manusia UiTMLaw yang merangkumi staf akademik dan pentadbiran amat dititikberatkan. Penekanan terhadap nilai-nilai murni melalui perkongsian ilmu dan pengalaman serta latihan kompetensi adalah antara langkah UiTMLaw memastikan pengurusan sumber manusia yang berkesan khususnya untuk menjayakan program-program yang dijalankan di bawah **Objektif Strategik (OS) IMPACT**. Perancangan dan pelaksanaan OS IMPACT ditekankan kepada seluruh warga UiTMLaw melalui pelbagai program yang berimpak dan berinovasi.

Perancangan

Semangat kerja berpasukan, perkongsian kepakaran dan pengalaman, sokongan Pengurusan Eksekutif dan pengiktirafan bakat merupakan asas bagi bidang tumpuan JAKK. Pengurusan Eksekutif sentiasa komited merancang penglibatan warga UiTMLaw dalam **inisiatif strategik** melalui Bengkel Perancangan Strategik. Di dalam Bengkel tersebut, setiap **Pengarah Projek**, terutama yang berkaitan bidang tumpuan JAKK telah dikenalpasti bagi memastikan setiap program dilaksanakan, dipantau dan ditambahbaik.

Pelaksanaan

Pemeriksaan dan **keterangkuman** sumber manusia UiTMLaw diperlihatkan melalui **pengalaman** mereka di dalam industri, **keahlian badan profesional** serta aktif di arena perkongsian komuniti dan aktiviti kesukarelawan. Antara perluasan staf akademik UiTMLaw adalah dengan menyumbang kepakaran dan pengalaman profesional serta berganding bahu dengan **alumni UiTMLaw** untuk melaksanakan program bidang tumpuan JAKK. Selain itu, kepelbagaian kepakaran staf akademik di dalam pelbagai bidang turut diperluaskan di dalam **komuniti** dan menerusi inisiatif program **kesukarelawan**.

Pemantauan

Dengan mengambil kira tahap kepuasan hati staf, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw meneliti **maklum balas** staf UiTMLaw terhadap operasi dan perkhidmatan di UiTMLaw kerana ianya memainkan peranan penting bagi tujuan peningkatan prestasi bidang tumpuan JAKK. Hasil Kajian Indeks Kegembiraan UiTMLaw menunjukkan tahap kegembiraan staf berada di dalam **kedudukan baik** dengan markah 75% indeks kegembiraan pada pusingan keempat terhadap penglibatan dalam kerja komuniti, komitmen kerja, pembangunan kemahiran rakan sekerja dan sumbangan staf kepada pembangunan UiTM. Bagi program-program yang dilaksanakan di bawah **OS IMPACT**, pemantauan **maklumbalas alumni** dan **peserta** program disalurkan dan **dikongsi** di mesyuarat staf bagi tujuan **makluman** dan cadangan **penambahbaikan** di peringkat UiTMLaw.

Tindakan Penambahbaikan

Dalam usaha menjayakan bidang tumpuan JAKK, kegembiraan, kepuasan hati, peningkatan pengetahuan dan kemahiran staf UiTMLaw merupakan salah satu aspek penting di dalam memastikan **OS IMPACT** tercapai dan seterusnya melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing. Pengurusan Eksekutif turut mengambil

langkah proaktif dengan menganjurkan beberapa program berbentuk **motivasi**, memberi **penghargaan dan pengiktirafan** kepada sumber manusia.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan UiTMLaw memfokuskan pemeraksanaan dan kecemerlangan sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan JAKK. Pelbagai **inisiatif** dilaksanakan bagi menggalakkan **ketampakan** warga UiTMLaw di peringkat **kebangsaan** dan **antarabangsa**. UiTMLaw mempunyai 87 orang staf akademik dan 18 orang staf pentadbiran yang sentiasa bersedia memacu dan menjayakan program-program bidang tumpuan JAKK (Rujuk 5.2.1 Rajah Jumlah Staf UiTMLaw dan Status Jawatan).

UiTMLaw menitikberatkan **keterlibatan** staf akademik dan pentadbiran dengan menggalakkan sumbangan sebagai Ahli Jawatankuasa projek-projek bidang tumpuan JAKK. Pelantikan ini menerapkan **kaedah pengurusan sumber manusia** dengan menekankan penghayatan **nilai ESI-iDART** dan **komunikasi** dua hala. Nilai **Excellence** dicapai dengan mengamalkan piawaian kualiti dalaman dengan keupayaan dan kebolehan potensi bagi menjayakan program-program bidang tumpuan JAKK.

Nilai **Sinergi** bersama staf akademik dan pentadbiran juga merupakan kaedah pengurusan sumber manusia yang selalu dipraktik dengan menerapkan nilai **perkongsian pengetahuan** untuk **menjayakan program-program tumpuan JAKK**. Nilai **Integriti** juga diamalkan dengan menghayati nilai-nilai murni melalui pematuhan tingkah laku profesional dan diterapkan di dalam **OS Strategi IMPACT**.

Selain penerapan nilai-nilai profesional, **kaedah pengurusan sumber manusia** yang digunakan oleh UiTMLaw bagi **bidang tumpuan JAKK** adalah seperti berikut:

i. **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** - LNPT adalah instrumen untuk mengukur prestasi, keupayaan dan produktiviti staf UiTM **bagi tumpuan JAKK**. Penyediaan LNPT adalah melalui sistem myATP (staf akademik) dan sistem HR2U (staf pentadbiran).

ii. **42 jam latihan** - Pengurusan Sumber Manusia di UiTMLaw juga menggunakan kaedah berdasarkan Pelaksanaan Latihan Kompetensi Umum, Khusus dan Latihan ICT. Kepentingan kaedah ini adalah bagi meningkatkan kemahiran dan menambah pengetahuan untuk berkhidmat sebagai **pakar perunding** di Klinik Bantuan Guaman, yang merupakan salah satu cabang bidang tumpuan JAKK (Rujuk 5.2.2 Ceraian Contoh Pensyarah Menghadiri Latihan Berkaitan Pembangunan Komuniti pada Tahun 2023).

iii. **Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Untuk Kenaikan Pangkat** - UiTMLaw komited menggalakkan staf akademik dan pentadbiran untuk memohon kenaikan pangkat dengan memberi **penekanan kepada bidang tumpuan JAKK**. Pada tahun 2023, sebanyak tiga mesyuarat kenaikan pangkat akademik telah diadakan untuk membincangkan proses dan kaedah kenaikan pangkat selaras dengan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi MARA 2018 (Rujuk 5.2.3 Gambar Staf yang Menerima Kenaikan Pangkat pada Tahun 2023).

iv. **Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia** - UiTMLaw juga komited untuk menggalakkan staf membenteng kertas kerja terutama yang berkaitan bidang tumpuan JAKK (Rujuk 5.2.4 Ceraian Minit Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bil 02/2023).

v. **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** - Anugerah ini disampaikan setiap tahun bagi memberi pengiktirafan kepada staf yang cemerlang. Untuk tahun 2023, seramai 8 staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Sebagai contoh, Cik Syazni Nadzirah Ya'cob selaku **Pengarah Klinik Bantuan Guaman** telah dipilih sebagai penerima APC melalui **sumbangan bidang tumpuan JAKK** (Rujuk 5.2.5 Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023).

vi. **Majlis Raikan Kegemilangan Staf UiTMLaw** - Majlis ini merupakan majlis yang dianjurkan oleh UiTMLaw di bawah Unit Pengurusan Kualiti bagi mengiktiraf tahap pencapaian staf akademik dan pentadbiran. **Inovasi** yang dibangunkan adalah dengan mewujudkan pelbagai kategori Anugerah Khas yang memberi **penekanan kepada bidang tumpuan JAKK** seperti **Anugerah** Tokoh Akademik, Ahli Akademik Harapan, Inovasi & Pengkomersialan Produk, Penerbitan, Pengajaran, Kepimpinan, Penyelidik Terbaik, Penulis Prolifik, Penceramah Terbaik, E-Pembelajaran dan Penyelia Terbaik.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_S01_SB02_20241_5.2.1.pdf](#)
2. [F0043_S01_SB02_20242_5.2.2.pdf](#)
3. [F0043_S01_SB02_20243_5.2.3.pdf](#)
4. [F0043_S01_SB02_20244_5.2.4.pdf](#)
5. [F0043_S01_SB02_20245_5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Keterangkuman dan komposisi staf UiTMLaw boleh dilihat daripada staf akademik yang mempunyai **kepakaran** serta **keahlian profesional** dan **pengalaman industri** dalam pelbagai bidang undang-undang. Bertitik tolak dari kekuatan sumber manusia ini, UiTMLaw mengambil pendekatan mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di dalam bidang tumpuan JAKK. UiTMLaw mempunyai 87 orang pensyarah aktif yang mana 45 orang mempunyai pengalaman industri dan keahlian badan profesional serta **aktif di bidang kesukarelawan**. (Rujuk 5.3.1 Senarai Staf Akademik Mempunyai Kelayakan Profesional dan Ahli NGO)

Kepakaran staf UiTMLaw telah **diperluaskan di keseluruhan sistem UiTM** dengan memuat naik di laman sesawang UiTMLaw kepakaran dalam bentuk *UiTM Expert Profile*. (Rujuk 5.3.2 Contoh Ceraian *UiTM Expert Profile* - Prof Madya Dr Siti Hafsyah Idris). Penglibatan bidang tumpuan JAKK juga **disumbang** melalui **kepakaran** dan **pengalaman staf** UiTMLaw seperti berikut:

i) Staf akademik yang mempunyai pengalaman profesional telah **berganding bahu dengan alumni** UiTMLaw menjayakan program ***UiTMLaw Seiring Alumni*** melalui inisiatif ***UiTMLaw Mentorship, UiTMLaw Internship Initiative, UiTMLaw Career Networking*** dan ***UiTMLaw Academic Excellence Beyond the Classroom Initiative***. Projek-projek ini mengetengah jalinan pensyarah bersama pakar industri bagi melahirkan graduan profesional. (Rujuk 5.3.3 Surat Jemputan, Gambar Kelas dan Ganjaran Projek Konsultansi - Dr Adlan Abd Razak)

ii) Kepakaran staf akademik di dalam pelbagai bidang telah diperluaskan ke dalam komuniti (kebangsaan dan antarabangsa) melalui ***UiTMLaw Bersama Komuniti***. Pengurusan Eksekutif UiTMLaw sentiasa memberi peluang dan galakan kepada staf akademik untuk **berkongsi kepakaran dengan pihak warga UiTM, komuniti dan pihak industri** sama ada secara fizikal atau atas talian. Hebahan di buat ke seluruh sistem UiTM melalui instagram rasmi UiTMLaw. (Rujuk 5.3.4 Perkongsian Program Celik Undang-Undang UiTMLaw 2023). Hasil perkongsian ini juga telah menggalakkan pihak kerajaan, industri serta antarabangsa untuk memberi geran penyelidikan kepada UiTMLaw. Geran penyelidikan yang diterima oleh UiTMLaw untuk tahun 2023 adalah sebanyak RM987,309.04 menampakkan hasil peningkatan yang drastik berbanding pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM651,768.00.

iii) Sinergi antara staf akademik dan pelajar menerusi inisiatif program kesukarelawan ***UiTMLaw Menabur Bakti*** telah dibuktikan melalui penganjuran pelbagai aktiviti kesukarelawan dan khidmat masyarakat seperti Program ***i-SULAM EnviroLex @ Pantai Cunang, Zoventure: Volunteer Expedition, Bright Hope Brigade: Visiting the Orphanage Home*** dan ***Window to Hope: Exploring Refugees Communities***. Hebahan keseluruhan UiTM telah dibuat melalui aplikasi instagram rasmi UiTMLaw dan persatuan pelajar Student Community Law Club (SCLC) (Rujuk 5.3.5 Gambar - gambar Pelaksanaan Aktiviti Kesukarelawan UiTMLaw 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_S01_SB03_20241_5.3.1.pdf](#)
2. [F0043_S01_SB03_20242_5.3.2.pdf](#)
3. [F0043_S01_SB03_20243_5.3.3.pdf](#)

4. [F0043_S01_SB03_20244_5.3.4.pdf](#)
5. [F0043_S01_SB03_20245_5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kajian Indeks Kegembiraan yang berlandaskan model PERMAI mengukur tahap emosi positif, **keterlibatan**, hubungan, makna, pencapaian, infrastruktur dan infostruktur di kalangan staf UiTMLaw. Bagi tujuan pelaporan AKNC, tahap kegembiraan staf UiTMLaw untuk tahun 2023 ialah 75% pada pusingan keempat kajian. Secara spesifik, domain Makna menunjukkan tahap kegembiraan staf berada di dalam **kedudukan baik** dengan 78% indeks kegembiraan terhadap penglibatan dalam kerja komuniti, komitmen kerja, pembangunan kemahiran rakan sekerja dan sumbangan staf kepada pembangunan UiTM. (Rujuk 5.4.1.1 Ceraian Laporan Infografik UHI5.0 Fakulti Undang - Undang 2023).

Maklum balas staf UiTMLaw terhadap sistem operasi dan perkhidmatan di UiTMLaw juga memainkan peranan penting bagi tujuan peningkatan prestasi bidang tumpuan JAKK. Bagi program-program yang dilaksanakan di bawah **OS IMPACT**, pemantauan **maklumbalas alumni** dan **peserta** program disalurkan dan **dikongsi** kepada staf UiTMLaw pada mesyuarat staf bagi tujuan **makluman** dan cadangan **penambahbaikan** di peringkat UiTMLaw (sekiranya ada). (Rujuk 5.4.1.2 Ceraian Contoh Maklum Balas Alumni/Peserta Program UiTMLaw *Mentorship*). **Perkongsian maklumat** program juga dilakukan melalui saluran *eNewsletter* UiTMLaw yang disebar di laman web UiTMLaw. (Rujuk 5.4.1.3 Ceraian *eNewsletter* UiTMLaw 2023). Melalui proses ini, penglibatan dan sumbangan staf UiTM di dalam menambahbaik persekitaran dan sistem kerja di UiTMLaw dapat dilihat bersama.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_S01_SB04_SC01_20241_5.4.1.1.pdf](#)
2. [F0043_S01_SB04_SC01_20242_5.4.1.2.pdf](#)
3. [F0043_S01_SB04_SC01_20243_5.4.1.3.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko yang efektif dititikberatkan dalam memperkasakan bidang tumpuan JAKK dan memastikan sistem kerja yang kondusif dan bersifat **akauntabiliti** bagi semua warga UiTMLaw. Sehubungan itu, dapatan analisa daripada tahap kepuasan hati dan maklum balas program-program di bawah OS IMPACT dibentang dan dibincangkan terlebih dahulu melalui siri mesyuarat dan pertemuan, seterusnya memberi peluang kepada Pengurusan Eksekutif UiTMLaw melakukan **inisiatif** dan **inovasi penambahbaikan** bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif. Hasil daripada analisa data-data di atas, antara risiko yang dikenal pasti dan dihadapi dalam pengurusan risiko sumber manusia adalah:

Risiko 1: Proses kenal pasti risiko yang melibatkan sumber manusia UiTMLaw bagi bidang tumpuan JAKK adalah berdasarkan **Kajian Indeks Kegembiraan Tahun 2023**. Untuk tahun 2023, kajian Indeks kebahagiaan dijalankan di dalam 4 fasa. Hasil analisa data menunjukkan sub - domain keterlibatan dan sub-domain infrastruktur/infostruktur menunjukkan indeks yang kurang memuaskan.

i) Domain Keterlibatan: (staf akademik 72%, staf pentadbiran 73%)

ii) Domain Infrastruktur / Infostruktur: (staf akademik 69%)

(Rujuk 5.4.2.1 Ceraian Laporan Infografik UHI5.0 Fakulti Undang - Undang 2023).

Risiko 2: Peratusan pencapaian kehadiran lebih 42 jam latihan setahun di kalangan staf UiTMLaw ke Latihan Kompetensi Umum, Khusus dan Latihan ICT yang direkodkan bagi pertengahan tahun 2023 hanyalah sebanyak 30.86% dan sebanyak 65.96% staf yang belum mencapai 42 jam kehadiran. (Rujuk 5.4.2.2 Ceraian Minit Mesyuarat Panel Pengurusan Sumber Manusia Bil. 02/2023). Keperluan untuk menghadiri pelbagai latihan dan kursus adalah penting mengikut keperluan kompetensi yang diperlukan supaya staf UiTMLaw boleh melaksanakan tugas serta tanggungjawab dengan efektif dan cemerlang.

Risiko 3: Kekurangan perkongsian maklum balas peserta untuk program berkaitan dengan bidang tumpuan JAKK. Terdapat juga beberapa program yang dijalankan yang di mana laporannya tidak lengkap atau kurang jelas yang menyebabkan data program sukar didaftarkan dan menyebabkan PI UiTMLaw tidak tercapai (Rujuk 5.4.2.3 Tangkap Layar Dashboard ICAN bagi Kemasukan Projek Lengkap / Tidak Lengkap 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_S01_SB04_SC02_20241_5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0043_S01_SB04_SC02_20242_5.4.2.2.pdf](#)
3. [F0043_S01_SB04_SC02_20243_5.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil analisa indeks kebahagiaan pusingan pertama, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw mengadakan **beberapa penambahbaikan** terhadap infrastruktur/infostruktur, persekitaran dan sistem kerja UiTMLaw yang kondusif. Kegembiraan, kepuasan hati, peningkatan pengetahuan dan kemahiran staf UiTMLaw merupakan aspek penting untuk mencapai **OS IMPACT**. Hasil analisa indeks kebahagiaan pusingan keempat menunjukkan kenaikan pada sub-domain infrastruktur/infostruktur daripada **69% kepada 71%**.

Bagi mengatasi risiko 1, Pengurusan Eksekutif mengambil **langkah proaktif** dengan menganjurkan program berbentuk **motivasi dan penghargaan** bagi meningkatkan tahap kegembiraan dan kepuasan hati staf UiTMLaw. Contohnya penganjuran Majlis Raikan Kenangan dan Kegemilangan 2023 membuktikan komitmen UiTMLaw mengetengahkan kesejahteraan emosi dan mental staf serta memupuk semangat kemerdekaan (Rujuk 5.4.3.1 Gambar-gambar Pelaksanaan Majlis Raikan Kenangan dan Kegemilangan 2023).

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw juga prihatin terhadap peluang staf menyertai pertandingan inovasi. Antara langkah penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan ialah dengan **menghantar** satu kontinjen (10 pasukan) untuk pertandingan *Invention, Innovation & Design Exposition* (IIDEX) bagi tujuan pendedahan kepada staf UiTMLaw. Untuk tahun 2023, kontinjen UiTMLaw berjaya memenangi 10 pingat (Rujuk 5.4.3.2 Contoh Sijil dan Gambar Kontinjen IIDEX UiTMLaw 2023).

Sebagai penambahbaikan risiko 2, tindakan yang diambil oleh Pengurusan Eksekutif UiTMLaw untuk menangani risiko pencapaian jam latihan staf UiTMLaw yang tidak mencapai 42 jam adalah mengeluarkan **surat peringatan pentadbiran** kepada staf UiTMLaw yang terlibat (Rujuk 5.4.3.3 Contoh Surat Peringatan Pentadbiran Hadir Latihan 42 Jam). Sebarang bukti penyertaan atau kehadiran juga dimajukan kepada Bahagian Pentadbiran UiTMLaw untuk direkodkan.

Bagi mengatasi risiko 3, iaitu kekurangan maklum balas peserta serta laporan tidak lengkap berkaitan dengan bidang tumpuan JAKK diatasi dengan mempromosikan sistem PRIME dan memastikan sistem **penugasan** yang berkesan di mana staf yang membuat laporan lengkap akan mendapat markah K2 di dalam MyATP (penilaian prestasi individu). Untuk tujuan ini, pejabat ICAN telah membuat perkongsian maklumat kepada semua warga mengenai Inisiatif KaSEH UiTM (Rujuk 5.4.3.4 Ceraian Slides Pembentangan Inisiatif KaSEH UiTM: MyATP & Trek Kenaikan Pangkat).

Tindakan penambahbaikan dan proses pemantauan terarah yang dibuat telah memberi impak dan kesan positif kepada bidang tumpuan JAKK dan PI UiTMLaw secara keseluruhan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_S01_SB04_SC03_20241_5.4.3.1.pdf](#)
2. [F0043_S01_SB04_SC03_20242_5.4.3.2.pdf](#)
3. [F0043_S01_SB04_SC03_20243_5.4.3.3.pdf](#)
4. [F0043_S01_SB04_SC03_20244_5.4.3.4.pdf](#)

9.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan eksekutif sumber manusia UiTMLaw sentiasa memantapkan pembangunan staf dengan inovasi dan pembudayaan yang boleh memberi peningkatan kepada kerjaya dan penumpuan bidang JAKK. Antara **inovasi** yang dihasilkan oleh UiTMLaw dan penghargaan yang diberikan adalah:

- a. Inisiatif Pemberian Dana Menyertai Pertandingan Inovasi - Inisiatif ini diberikan sebagai pemangkin pembudayaan inovasi di UiTMLaw. Sebagai inisiatif, sinergi **bersama alumni dan komuniti luar UiTM, inovasi yang dihasilkan** perlu memberi impak kepada pembangunan komuniti atau pelajar. Sejumlah **RM6000** telah diberi kepada 1 kontinjen pada tahun 2023 untuk menyertai pertandingan inovasi (Rujuk 5.5.1 Senarai Nama Kontinjen dan Projek IIDEX UiTMLaw 2023).
- b. Inisiatif **Let's Write and Publish** - Bengkel yang membantu staf di dalam penulisan dan penerbitan anjuran UiTMLaw. Hasil penulisan dan penerbitan adalah **sinergi** bersama **alumni dan rakan industri diluar UiTM** (Rujuk 5.5.2 Poster Bengkel Let's Write and Publish).
- c. **Dasar Kelulusan Peruntukan Latihan Tahun 2023** kepada semua pensyarah UiTMLaw sebanyak RM1500 diberikan untuk membenteng kertas kerja didalam negara dan juga negara ASEAN. Untuk mencapai *Performance Indicator*, kelulusan diberikan jika kertas kerja yang dibenteng melibatkan penulis bersama daripada peringkat antarabangsa, nasional dan industri (Rujuk 5.5.3 Pekeliling Dekan Bilangan 1 Tahun 2023).
- d. **Majlis Raikan Kegemilangan Staf UiTMLaw** yang memperkenalkan beberapa kategori anugerah sebagai **inovasi** yang menjurus kepada bidang tumpuan JAKK bersama **pihak luar UiTM**, antaranya Anugerah Penceramah Terbaik dan Anugerah Rakan Usahasama Industri dan Penyelidikan. (Rujuk 5.5.4 Senarai Nama Penerima Anugerah Majlis Apresiasi Kecemerlangan Staf UiTMLaw).
- e. Pengurusan Eksekutif UiTMLaw juga menerusi Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia mengenal pasti dan memberikan penghargaan kepada staf yang banyak berjasa di dalam meningkatkan kualiti dan penyampaian perkhidmatan fakulti. Seramai lapan orang staf akademik dan staf pentadbiran UiTMLaw telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2023 (Rujuk 5.5.5 Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_S01_SB05_20241_5.5.1.pdf](#)
2. [F0043_S01_SB05_20242_5.5.2.pdf](#)
3. [F0043_S01_SB05_20243_5.5.3.pdf](#)
4. [F0043_S01_SB05_20244_5.5.4.pdf](#)
5. [F0043_S01_SB05_20245_5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw sentiasa mengutamakan proses dan prosedur operasi khususnya yang berkait rapat dengan bidang tumpuan JAKK yang menjurus kepada tercapainya Objektif Strategi (OS) IMPACT dengan tema **Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**.

Tumpuan kepada operasi adalah amat penting kerana operasi pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan efisien memastikan keberkesanan program-program yang dijalankan.

Perancangan

Bagi mencapai **OS IMPACT**, UiTMLaw merancang dan mengenalpasti **3 proses utama** yang menyokong kepada pencapaian bidang tumpuan JAKK. **Proses utama yang pertama** ialah konsultasi dan kolaborasi dengan alumni, rakan industri dan komuniti. **Proses utama yang kedua** ialah pelaksanaan program pelajar bersama alumni, komuniti dan industri. **Proses ketiga** melibatkan proses perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pensyarah-pensyarah UiTMLaw yang bertujuan memberikan pendedahan undang-undang kepada komuniti.

Pelaksanaan

Pemeriksaan dan keberkesanan proses operasi UiTMLaw khususnya di dalam mencapai **OS IMPACT** diperlihatkan melalui pelaksanaan **model PDCA (Plan, Do, Check, Action)**. Pelaksanaan program bidang tumpuan JAKK dijalankan mengikut perancangan yang telah diperincikan mengikut proses operasi dan prosedur kerja yang dibuat secara sistematik.

Pemantauan

Dalam usaha menjayakan bidang tumpuan JAKK, UiTMLaw sentiasa **memantau inisiatif-inisiatif program** di bawah bidang tumpuan JAKK. Pemantauan **berkala** dibuat melalui pelbagai medium seperti maklumbalas pelanggan (alumni, pelajar, staf, komuniti dan industri). Pemantauan turut diperlihatkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Tabung Pengurusan, laporan audit dalam dan audit InQKA serta pelaporan Penyelaras Strategi dan Transformasi Universiti (PSTU) mengenai pencapaian bidang tumpuan yang dibuat kepada Pengurusan Eksekutif secara berkala.

Tindakan Penambahbaikan

UiTMLaw mengkaji semula dan **memperbaiki proses operasi** secara berkala dalam memacu kelestarian bidang tumpuan JAKK. Pengurusan Eksekutif turut mengambil akauntabiliti dengan **langkah proaktif** menjalankan penganalisan hasil tumpuan operasi sebelum dikongsi kepada warga UiTMLaw melalui mesyuarat dan taklimat.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Untuk memastikan bidang tumpuan JAKK yang berkesan, UiTMLaw melalui Dekan dan sinergi bersama TD HEA, TD HEP dan TD PJI membuat perancangan operasi bagi bidang tumpuan JAKK. Berdasarkan Manual Tadbir Urus Jaringan Industri Masyarakat dan Alumni Edisi 2018, UiTMLaw mengetengahkan tumpuan operasi berpandukan OS *IMPACT* yang berteraskan **I** (*Integrity*), **M** (*Mindful*), **P** (*Proactive*), **A** (*Agile*), **C** (*Committed*) dan **T** (*Tenacity*).

OS IMPACT adalah seperti di bawah:

- i) Melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni.
- ii) Memberi kesedaran dan pemahaman undang-undang kepada komuniti.
- iii) Membudayakan khidmat kesukarelawanan di kalangan warga UiTMLaw

Bagi mencapai kesemua **OS IMPACT**, UiTMLaw mengenalpasti **tiga (3) proses utama** yang menyokong pencapaian bidang tumpuan JAKK. **Proses yang pertama ialah konsultasi dan kolaborasi dengan alumni, rakan industri dan komuniti.** Proses ini melibatkan mesyuarat perancangan dan pelaksanaan bersama Pengurusan Eksekutif, dimulai dengan pelantikan Penyelaras Program dan pembentukan jawatankuasa. Jawatankuasa program yang dibentuk mengenal pasti alumni, rakan industri dan komuniti yang bersesuaian dengan bidang tumpuan JAKK dan menentukan mekanisma kolaborasi. Seterusnya setiap permohonan pelaksanaan program yang memerlukan kelulusan pihak TNC ICAN, TNC Pelajar dan Bendahari UiTM di hantar untuk tujuan semakan dan kelulusan pelaksanaan (Rujuk 6.2.1 Minit Mesyuarat Bidang Tumpuan Jaringan Alumni dan Komuniti Bil 1/2023).

Bagi proses kolaborasi dengan rakan kongsi industri, UiTMLaw menghantar permohonan dan draf memorandum kesefahaman (MoU) atau memorandum persetujuan (MOA) ke Pejabat Undang-Undang melalui sistem NILAMS untuk semakan dan kelulusan di pihak MEU/LPU. Proses ini diakhiri dengan proses tandatangan MoU dan MOA bersama pihak industri tersebut (Rujuk 6.2.2 Carta Alir Sistem *Networked Integrated Legal Affairs Management System* NILAMs).

Proses yang kedua ialah pelaksanaan program pelajar bersama alumni, komuniti dan industri. Program-program yang berbentuk akademik, kerjaya dan kesukarelawan dirancang dengan teliti dengan pemeraksanaan kelab-kelab pelajar dibawah bimbingan TD HEP dan penasihat-penasihat kelab. Borang permohonan mengadakan aktiviti dengan perincian program dihantar ke TD HEP bagi semakan dan kelulusan. Seterusnya permohonan yang diluluskan dibawa ke Mesyuarat Kelulusan Tabung Pengurusan Surat kelulusan menjalankan program akan dikeluarkan untuk proses pelaksanaan program tersebut (Rujuk 6.2.3 Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar).

Langkah terakhir melibatkan pelaporan aktiviti melalui **Google form** yang mengumpul maklumat seperti jumlah komuniti atau industri terlibat, jumlah perpindahan ilmu, dan komponen *Sustainable Development Goals* (SDGs). Ini merupakan langkah inovasi daripada TD HEP untuk memudahkan proses operasi. Setiap program yang dilaksanakan oleh kelab-kelab pelajar juga dilaporkan semasa Mesyuarat Tahunan Kelab bagi **tujuan perkongsian pengetahuan** kepada warga UiTMLaw (Rujuk 6.2.4 *Google Form* Perincian Laporan Pencapaian PI HEP

Proses yang ketiga melibatkan proses **perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pensyarah-pensyarah UiTMLaw** di bawah **UiTMLaw Bersama Komuniti** yang bertujuan memberikan pendedahan celik undang-undang kepada komuniti. Proses ini melibatkan jemputan daripada komuniti, media massa atau media cetak. Seterusnya, pensyarah membuat permohonan kepada Dekan dengan mengisi *Google form* untuk penglibatan komuniti tersebut. Ini adalah langkah **inovasi** bagi proses operasi yang berkaitan dengan bidang tumpuan JAKK (Rujuk 6.2.5 *Google Form* Permohonan Perkongsian Kepakaran dan Komuniti: *UiTMLaw Bersama Komuniti*).

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_O01_OB02_20241_6.2.1.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB02_20242_6.2.2.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB02_20243_6.2.3.pdf](#)
4. [F0043_O01_OB02_20244_6.2.4.pdf](#)
5. [F0043_O01_OB02_20245_6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Proses operasi UiTMLaw di bawah bidang tumpuan JAKK melaksanakan **model PDCA (Plan, Do, Check, Action)** (Rujuk 6.3.1 Carta Alir Operasi Bidang Tumpuan JAKK).

Proses Utama 1 - Kolaborasi dan konsultasi

Contoh Kolaborasi: UiTMLaw Seiring Alumni melalui program ***UiTMLaw Career Networking 4.0***.

? **Perancangan (Plan)** - Perancangan untuk kolaborasi dijalankan di dalam Bengkel Perancangan Strategik 2023 di mana pihak alumni dikenalpasti. Perancangan susulan turut dibuat di dalam mesyuarat Pengurusan Eksekutif dan mesyuarat jawatankuasa untuk menentukan jenis kolaborasi.

? **Pelaksanaan (Do)** - Pengarah program membentuk jawatankuasa kecil yang melibatkan sinergi staf akademik dan pentadbiran, diikuti dengan penghantaran kertas kerja yang disemak oleh TD HEA, HEP dan PJI. Kertas kerja disemak di dalam Mesyuarat Tabung Pengurusan untuk kelulusan bajet. Seterusnya penyelaras dan AJK melaksanakan program (Rujuk 6.3.2 Ceraian Kertas Kerja *UiTMLaw Career Networking 2023*).

? **Pemantauan (Check)** - Pemantauan melibatkan maklumbalas pelajar dan alumni sama ada secara lisan atau bertulis.

? **Penambahbaikan (Action)** - *UiTMLaw Career Networking* merupakan program berkala setiap tahun. Melalui maklumbalas yang diperolehi, program ini ditambahbaik terutama dari segi operasi seperti tempat penganjuran, industri dan alumni yang terlibat serta proses penganjuran.

Proses Utama 2 - Pelaksanaan program pelajar bersama alumni, komuniti dan industri

Contoh program pelajar: UiTMLaw Menabur Bakti melalui Inisiatif ***i-SULAM EnviroLex @ Pantai Cunang*** yang merupakan penganjuran program sukarelawan dan khidmat masyarakat yang memberi impak positif untuk memupuk semangat sukarelawan.

? **Perancangan (Plan)** - Perancangan program berbentuk khidmat masyarakat ini melibatkan penyertaan komuniti dan industri (Rujuk 6.3.3 Surat Jemputan Kolaborasi Menjayakan Program *i-SULAM EnviroLex @ Pantai Cunang*) serta penugasan diberikan kepada kelab pelajar dengan bimbingan TD HEP dan penasihat kelab. Borang permohonan mengadakan aktiviti dengan perincian program di hantar ke TD HEP bagi semakan sebelum mendapat kelulusan oleh Dekan.

? **Pelaksanaan (Do)** - Pelaksanaan program ini menerima sokongan padu dan dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) (Rujuk 6.3.4 Surat Pembiayaan dan Surat Kolaborasi bersama MPKL).

? **Pemantauan (Check)** - Satu cetakan maklum balas yang memaparkan kod QR turut diedarkan kepada peserta bagi tujuan pemantauan dan mendapatkan maklum balas peserta.

? **Penambahbaikan (Action)** - Sejurus selepas program tamat, jawatankuasa mengadakan mesyuarat *postmortem* bagi menyelesaikan isu yang dihadapi semasa program.

Proses Utama 3 - Perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pensyarah-pensyarah UiTMLaw

Contoh perkongsian ilmu dan kepakaran: *UiTMLaw Bersama Komuniti* menerusi pelaksanaan program-program celik undang-undang kepada komuniti melalui pelbagai platform.

? **Perancangan (Plan)** - UiTMLaw komited merancang program-program di Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik serta Mesyuarat Pengurusan Eksekutif.

? **Pelaksanaan (Do)** - Perkongsian ilmu dan kepakaran dititik beratkan melalui pembangunan komuniti menerusi pelaksanaan program-program kesedaran undang-undang melalui platform media massa dan media sosial.

? **Pemantauan (Check)** - Staf akademik dikehendaki mengadakan perkongsian ilmu kepada melalui cara bersemuka ataupun melalui email. Pemantauan di buktikan dengan borang pengesahan kehadiran staf dan juga bahan bercetak pembentangan (Rujuk 6.3.5 Contoh Email Perkongsian Dr Ikmal Hisham Md Tah).

Penambahbaikan (Action) - Platform untuk perluasan ilmu telah ditambah baik dengan perkongsian melalui email yang dibuat ke **seluruh sistem UiTM**. Penambahbaikan ini memberi impak yang tinggi berbanding dengan perkongsian ilmu yang dilakukan secara bersemuka.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB03_20241_6.3.1.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB03_20242_6.3.2.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB03_20243_6.3.3.pdf](#)
4. [F0043_O01_OB03_20244_6.3.4.pdf](#)
5. [F0043_O01_OB03_20245_6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan operasi bidang tumpuan JAKK berada pada tahap yang **optimum** dan **menjamin kelestarian pencapaian**, UiTMLaw sentiasa memantau inisiatif-inisiatif program di bawah bidang tumpuan JAKK. Pemantauan berkala dibuat melalui pelbagai medium maklumbalas pelanggan (alumni, pelajar, staf, komuniti dan industri). Pemantauan juga dibuat di dalam **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** dan **Mesyuarat Tabung Pengurusan**. Di sini, pelaksanaan operasi program-program bidang tumpuan JAKK dibentang dan dibincang.

Laporan audit dalam dan **audit InQKA** juga merupakan medium pemantauan operasi. Audit Dalam dan Audit InQKA dapat memastikan tumpuan kepada operasi adalah berdasarkan pematuhan sistem pengurusan kualiti yang baik. Audit Dalam dijalankan minimum sekali setahun manakala Audit InQKA dijalankan sekali untuk tempoh dua tahun. Antara operasi yang diaudit adalah operasi pentadbiran, perancangan strategik dan kewangan (Rujuk 6.4.1.1 Ceraian Laporan ER iQMS Fakulti Undang-Undang 2023).

Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan JAKK bagi **menjamin kelestarian pencapaian** adalah selari dengan OS IMPACT yang telah digariskan di dalam Bengkel Perancangan Strategik. Sebagai contoh, **pelaporan PSTU** mengenai pencapaian bidang tumpuan yang dibuat kepada Pengurusan Eksekutif setiap bulan memastikan langkah intervensi dapat dibuat dengan berkesan terutama bagi program-program yang melibatkan pelaksanaan yang terperinci (Rujuk 6.4.1.2 Ceraian Laporan *PI Achievement* - September 2023).

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_O01_OB04_OC01_20241_6.4.1.1.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB04_OC01_20242_6.4.1.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengenalpastian dan pengurusan risiko yang efektif dititikberatkan dalam setiap pengurusan operasi bagi menjamin kelestarian pencapaian bidang tumpuan JAKK. Sehubungan itu, dapatan analisa daripada maklum balas daripada pelaksana program-program di bawah OS IMPACT dibentang dan dibincangkan terlebih dahulu melalui siri mesyuarat dan pertemuan, seterusnya memberi peluang kepada Pengurusan Eksekutif UiTMLaw melakukan **inisiatif** dan **inovasi penambahbaikan** bagi pengurusan operasi bidang tumpuan JAKK yang teratur.

Hasil daripada analisa di atas, antara **risiko operasi pencapaian maklum balas pelanggan terutama yang melibatkan pelaksana program** yang dikenal pasti dan dihadapi dalam pengurusan operasi adalah:

- a. Terdapat segelintir pelaksana program yang tidak melaporkan maklum balas program yang lengkap kepada Pengurusan Eksekutif.
- b. Keciciran/kebocoran maklumat maklumbalas daripada pelaksana program.

Rentetan daripada risiko-risiko yang dikenalpasti di atas, Pengurusan Eksekutif UiTMLaw melalui Timbalan-Timbangan Dekan program bidang tumpuan JAKK yang berkaitan, telah **merancang langkah pencegahan** untuk mengelak risiko operasi pencapaian maklum balas daripada pelaksana program supaya tidak berulang. Perancangan ini dibuat setelah mengambil kira input daripada pemegang taruh seperti pelajar (kelab dalaman), staf akademik dan pentadbiran. Langkah pencegahan dikomunikasikan melalui pelbagai medium seperti panggilan telefon atau melalui aplikasi Whatsapp dan Google Meet untuk tindakan yang segera (Rujuk 6.4.2.1 Tangkap Layar Perbincangan Whatsapp dan Minit Mesyuarat Penyediaan Program SCOT).

Selain itu, **Penyelaras Risiko UiTMLaw** juga telah mendaftarkan pelbagai risiko operasi yang melibatkan pelajar, pensyarah serta fasiliti di mana risiko dikategorikan sebagai rendah, sederhana, tinggi dan ekstrem. Walau bagaimanapun, kesemua risiko operasi yang didaftarkan tidak melibatkan pengoperasian bidang tumpuan JAKK (Rujuk 6.4.2.2 Ceraian Laporan ERMS 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB04_OC02_20241_6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB04_OC02_20242_6.4.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMLaw sentiasa komited untuk **mengkaji semula** dan **memperbaiki proses operasi** dalam memacu kelestarian bidang tumpuan JAKK. Hasil penganalisan tumpuan operasi telah menampakkan risiko-risiko seperti di atas di mana langkah pencegahan telah dirangka dan dilaksana untuk mengelak risiko operasi pencapaian maklum balas daripada pelaksana program tidak berulang. Tindakan hasil penganalisan yang diambil **dikongsi kepada warga UiTMLaw** melalui **mesyuarat** dan **taklimat**. Langkah penambahbaikan adalah seperti berikut:

a. Terdapat segelintir pelaksana program yang tidak melaporkan maklum balas program yang lengkap kepada Pengurusan Eksekutif.

TD HEP mengambil **tindakan penambahbaikan** dengan menganjurkan latihan kepimpinan kepada pimpinan kelab dan organisasi dalaman pelajar. Program ini dinamakan **Student Club's and Organisation Training (SCOT)** yang julung-julung kali diadakan bagi memberi pendedahan kepada kelab pelajar sebagai penambahbaikan operasi penyediaan melaksanakan program dalaman serta menggalakkan pelajar menyediakan laporan lengkap program (Rujuk 6.4.3.1 Poster SCOT dan Surat Kelulusan Pelaksanaan Program SCOT). Selain itu, **mesyuarat** dan **taklimat** kepimpinan bersama penasihat-penasihat kelab pelajar untuk memberi penekanan kepada proses operasi yang melibatkan analisa dan maklumbalas program kepada penganjur. Taklimat juga menekankan tugas dan tanggungjawab penasihat kelab dalaman terutama yang berkaitan dengan bidang tumpuan JAKK.

b. Keciciran/kebocoran maklumat maklumbalas daripada pelaksana program.

Pelantikan Penyelaras HEP UiTMLaw bagi tujuan menjaga integriti proses operasi pelaporan pelaksanaan program dan maklumat maklumbalas pelaksana program (Rujuk 6.4.3.2 Surat Pelantikan Koordinator HEP UiTMLaw).

Susulan pelaksanaan SCOT, penyimpanan data laporan program dilaksanakan oleh Penyelaras HEP UiTMLaw melalui applikasi *whatsapp* dimana pelajar yang mengendalikan program menghantar dokumen-dokumen pelaporan. Kaedah ini adalah efektif bagi mengurangkan risiko keciciran/kebocoran maklumat pelaporan daripada pelaksanaan program memandangkan pelaporan dilaksanakan sebaik sahaja program selesai. Seterusnya, Penyelaras HEP akan memuat naik dokumen berkaitan ke sistem Smart HEP (Rujuk 6.4.3.3 Tangkap Layar Sistem Smart HEP dan Contoh Pelaporan oleh Pelajar).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB04_OC03_20241_6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB04_OC03_20242_6.4.3.2.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB04_OC03_20243_6.4.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berpandukan **OS IMPACT**, UiTMLaw komited melaksanakan **penambahbaikan operasi yang berterusan** dan **berinovasi** bagi memastikan kelestarian operasi bidang tumpuan JAKK. Antara penambahbaikan operasi yang berterusan adalah seperti berikut:

i. Pengendalian dan operasi UiTMLaw sentiasa dititik berat dan ditambahbaik oleh Pengurusan Eksekutif UiTMLaw. Sokongan padu dan kerjasama daripada alumni UiTMLaw di dalam menambah baik penjanaaan pendapatan membuktikan kewujudan **sinergi** dan **integrasi** operasi UiTMLaw dengan pihak alumni. Sinergi ini dibuktikan dengan penganugerahan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaaan Pendapatan di dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023** (Rujuk 6.5.1 Sijil Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaaan Pendapatan 2023). Sinergi pihak alumni dan UiTMLaw ini diteruskan dengan pelbagai inisiatif inovasi bagi menggalakkan ketampakan global pelajar serta staf bersesuaian dengan tema *Globally Marketable* UiTM 2023.

ii. Keberkesanan pengendalian operasi UiTMLaw juga dibuktikan dengan **keterangkuman** staf akademik dalam aktiviti komuniti, penulisan, penerbitan dan penyelidikan di platform kebangsaan dan antarabangsa. Jumlah geran kebangsaan, industri dan antarabangsa yang diperolehi pada tahun 2023 adalah sebanyak RM 987,308.00. Selain itu, usaha yang berterusan juga dapat dilihat apabila pengurusan UiTM menganugerahkan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable Staff 2023: Pillar 1: World Class Faculty Members (Staf Akademik)** kepada UiTMLaw (Rujuk 6.5.2 Sijil Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable Staff 2023: Pillar 1: World Class Faculty Members (Staf Akademik)).

iii. **Pemeriksaan (empowerment)** operasi UiTMLaw juga dapat dilihat melalui **keterlibatan (engagement)** staf pentadbiran UiTMLaw di dalam pertandingan CHIPTA 2023. Di dalam pertandingan ini, **inovasi operasi** telah diketengahkan melalui projek “RIZQ4U: Bukan Sekadar Menu Rahmah” dan projek ini telah memenangi **Anugerah Juara CHIPTA 2023** (Kategori Sektor Awam) **anjuran MAMPU, Jabatan Perdana Menteri** dan memenangi wang tunai bernilai RM 10,000 (Rujuk 6.5.3 Sijil Juara Kategori Sektor Awam CHIPTA 2023).

iv. Bagi tujuan ketampakan UiTMLaw di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, UiTMLaw telah melakukan **penambahbaikan ketampakan (visibility)** di mana, hebahan sebanyak dua kali setahun melalui UiTMLaw e-Newsletter telah diperkenalkan sebagai langkah inovasi operasi bidang tumpuan JAKK yang mengetengahkan Kebolehpasaran Global yang lebih spesifik secara menyeluruh ke peringkat antarabangsa. Ini dilakukan melalui e-mel Dekan UiTMLaw kepada semua pihak termasuk rakan kongsi industri, alumni dan rakan kolaborasi antarabangsa (Rujuk 6.5.4 UiTMLaw e-Newsletter Jan-Jun 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB05_20241_6.5.1.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB05_20242_6.5.2.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB05_20243_6.5.3.pdf](#)
4. [F0043_O01_OB05_20244_6.5.4 UiTMLaw e-Newsletter Jan-Jun 2023.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Perancangan Strategik bertemakan "Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan."

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik (PS) yang efektif dan efisien serta bersinergi dalam menggerakkan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) kepada semua pemegang taruhnya telah menobatkan UiTMLaw sebagai antara Fakulti yang berstatus **6 bintang** iaitu memperolehi sebanyak **94.7% i-Skor UiTM** untuk tahun 2023. UiTMLaw meneruskan langkah inovasi di dalam **Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik 2023** dengan memperkenalkan OS IMPACT yang mendukung nilai murni **I (Integrity), M (Mindful), P (Proactive), A (Agile), C (Committed) dan T (Tenacity)** dengan mengangkat tema **Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. OS IMPACT** yang **dirancang** adalah:

OS IMPACT 1 - Melahirkan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni;

OS IMPACT 2 - Memberi kesedaran dan pemahaman undang-undang kepada komuniti; dan

OS IMPACT 3 - Membudayakan khidmat kesukarelawan di kalangan warga UiTMLaw.

UiTMLaw melaksanakan projek-projek berimpak tinggi dibawah tiga teras utama iaitu **UiTMLaw Seiring Alumni, UiTMLaw Bersama Komuniti dan UiTMLaw Menabur Bakti**. Bagi pencapaian PI UiTMLaw untuk bidang tumpuan JAKK, **kesemua** hasil pencapaian PI 2023 yang difokuskan telah **berjaya mencapai sasaran** yang ditetapkan. Beberapa PI terutama yang melibatkan aktiviti *Alumni Service Learning* dan aktiviti melibatkan komuniti yang menerima serapan ilmu dan kebaikan **melebihi sasaran** yang ditetapkan. Kesemua projek yang dirancang di dalam Bengkel Pemantapan Kepimpinan dan Perancangan Strategik turut mengambil faktor **risiko** yang **dikenalpasti, dipantau melalui pelan mitigasi serta ditambahbaik** bagi mencegah risiko daripada berulang.

Bagi hasil pencapaian PI dari tahun ke tahun pula, UiTMLaw terus menyerlah dengan menunjukkan **tren** yang **positif** bagi penganalisaan data bidang tumpuan JAKK. Tren positif dapat dilihat melalui **pemantauan** yang **efektif** seperti mesyuarat dan bengkel intervensi. Berdasarkan pemantauan ini, tren positif dalam aktiviti bidang tumpuan JAKK dapat dilihat dengan jelas. Perbandingan penanda aras antara kampus, organisasi dalam dan luar negara juga turut dianalisa dalam menjadikan UiTMLaw sebagai antara Fakulti Undang-Undang ternama di Malaysia dan mata dunia. Antara hasil yang dapat diketengahkan adalah **pengiktirafan** alumni-alumni di peringkat **nasional** dan **antarabangsa**. Alumni-alumni ini memberikan sumbangan melalui perkongsian ilmu serta kepakaran yang dilihat sebagai **nilai tambah positif** terhadap penghasilan graduan profesional undang-undang yang mampan dan berdaya saing.

Projek-projek sinergi bersama alumni, komuniti serta aktiviti kesukarelawan melalui inisiatif strategik UiTMLaw seperti **UiTMLaw Mentorship, UiTMLaw Internship Initiative, UiTMLaw Career Networking, Klinik Bantuan Guaman UiTMLaw (Legal Aid Clinic), projek UiTMLaw Care, i-SULAM EnviroLex @ Pantai Cunang, Zooventure: Volunteer Expedition, dan Bright Hope Brigade: Visiting the Orphanage Home** telah menyumbang dalam pembangunan Fakulti, pelajar, alumni, komuniti dan UiTM secara keseluruhan di mata dunia. Berdasarkan *QS World University Rankings 2023 by Subject* yang meletakkan UiTMLaw di kedudukan **301-350**, nilai sinergi IMPACT di dalam proses perancangan strategik telah diuruskan dengan jayanya oleh UiTMLaw.

Sebagai bukti keberkesanan perancangan strategik, UiTMLaw telah memenangi **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik (KPI Tinggi, SAP Tinggi)** pada tahun 2023 semasa Majlis Anugerah Prestasi Universiti (AKPU 2023).

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0043_HB02_20241_7.1.2 HASIL PERANCANGAN STRATEGIK - Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0043_HB03_20242_7.1.3 HASIL PERANCANGAN STRATEGIK - Trend.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0043_HB04_20243_7.1.4 HASIL PERANCANGAN STRATEGIK - Comparison.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0043_HB05_20244_7.1.5 HASIL PERANCANGAN STRATEGIK - Importance.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Sumber Manusia bertemakan "Mercury Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan."

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif UiTMLaw secara berterusan memperkasa pengetahuan, kemahiran dan bakat staf UiTMLaw untuk memastikan pelaksanaan program-program yang efektif dan berimpak di dalam mencapai OS IMPACT dan seterusnya mencapai tema **Mercury Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**.

Staf akademik dan staf pentadbiran UiTMLaw adalah penggerak utama bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) dan penglibatan mereka dapat diukur dengan **tahap** pencapaian *Performance Indicator* (PI) yang **cemerlang** berkaitan dengan sumber manusia melibatkan **peningkatan** staf dengan kelayakan PhD, **pertambahan signifikan** staf yang menjadi penyelidik utama dan **komitmen mantap** staf yang menjadi ahli pertubuhan kebangsaan/antarabangsa/profesional/NGO.

Hasil daripada pengurusan yang cekap dan efektif, staf UiTMLaw terutamanya staf akademik telah berjaya mencapai dan juga **melepasi sasaran** PI yang ditetapkan dengan **cemerlang**. Untuk tahun 2023, jumlah geran penyelidikan kebangsaan, antarabangsa dan industri yang diperolehi oleh staf UiTMLaw adalah sebanyak **RM 982, 309.04** dengan jumlah **31 staf** akademik sebagai penyelidik utama. Bilangan staf akademik yang mendapat PhD meningkat dan berada pada tahap **52.3%**. Sasaran bilangan aktiviti yang melibatkan MoU dan MoA juga melebihi sasaran yang diletakkan.

Tren yang meningkat hasil daripada sokongan berterusan Pengurusan Eksekutif UiTMLaw boleh dilihat melalui kenaikan jumlah bilangan staf akademik yang memiliki **kelayakan akademik tertinggi PhD** bagi tempoh **5 tahun dengan peningkatan hampir 10%**. Jumlah geran penyelidikan yang diterima oleh staf akademik UiTMLaw juga menunjukkan **peningkatan serta lonjatan** tinggi dari tahun 2020 sehingga tahun 2023 **sebanyak 124.5%** dan ini merupakan perkembangan **tren yang amat positif** bagi UiTMLaw.

Ketampakan dan kredibiliti staf akademik UiTMLaw **sangat menyerlah** dengan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa. Ini boleh dijadikan sebagai tanda aras **perbandingan** untuk menunjukkan hasil kecemerlangan sumber manusia di UiTMLaw. Seorang Profesor Kehormat UiTMLaw dilantik sebagai **Honorary Fellow** di Aberystwyth University, **United Kingdom** dan salah seorang staf akademik UiTMLaw diiktiraf sebagai **Ketua Panel Penasihat Kebangsaan** untuk Perjanjian Plastik Global oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan turut mengetuai delegasi Malaysia semasa sesi rundingan di **Nairobi, Kenya**. Selain itu, staf tersebut turut dilantik menjadi **OIC Expert Speaker** oleh **OIC Ministerial Standing Committee (Islamabad, Pakistan)** dalam bidang **Biosafety dan Biosecurity**. Ini jelas menunjukkan pengiktirafan antarabangsa kepada sumber manusia UiTMLaw di dalam bidang tumpuan sumbangan kepada komuniti.

Perbandingan pencapaian program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan Pemandahan Ilmu (KTP) kepada **komuniti** bagi Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan, staf UiTMLaw turut mempamerkan **komitmen komuniti yang terbilang** dengan **kedudukan kedua** dengan pencapaian 1695% di Rajah 7.2.4G iaitu **pencapaian jauh melebihi sasaran**.

UiTM turut mengiktiraf sumber manusia UiTMLaw apabila Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) UiTMLaw telah dianugerahkan **Anugerah Khas (Kategori Kepimpinan Staf Lelaki Terbaik) WIRASA 2023** yang menunjukkan kebolehan dan kepimpinan sumber manusia UiTMLaw terhadap sumbangan dalam pembangunan komuniti pelajar.

Sumber manusia yang cemerlang menyumbang kepada pelaksanaan bidang tumpuan UiTMLaw di dalam memacu kekuatan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan UiTMLaw. Tahap keserjanaan dan intelektual tinggi di dalam bidang kepakaran membuka peluang staf akademik UiTMLaw menempah nama di **persada antarabangsa dan nasional**. **Rajah 7.2.5A, 7.2.5B, 7.2.5C dan 7.2.5D** membuktikan ketampakan dan kredibiliti staf UiTMLaw di dalam menyumbang kepakaran kepada komuniti antarabangsa, nasional dan setempat.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0043_HB02_20241_7.2.2 HASIL SUMBER MANUSIA - Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0043_HB03_20242_7.2.3 HASIL SUMBER MANUSIA - Trend.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0043_HB04_20243_7.2.4 HASIL SUMBER MANUSIA - Comparison.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0043_HB05_20244_7.2.5 HASIL SUMBER MANUSIA - Importance.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Operasi bertemakan "Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan."

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Berpandukan tema "**Mercu Kebolehpasaran: Melestari Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**" seperti yang telah dirangka di dalam Bengkel Perancangan Strategik yang berteraskan Objektif Strategi (OS) IMPACT, UiTMLaw telah berjaya menerapkan **proses operasi yang cemerlang** di dalam melaksanakan program-program yang memberi impak tinggi dan positif kepada ketampakan UiTMLaw. Kejayaan penganjuran program-program bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa jelas membuktikan kecekapan operasi UiTMLaw.

Pelbagai program yang melibatkan kolaborasi antara UiTMLaw dengan pihak alumni, industri serta komuniti telah dirancang dan menunjukkan keberhasilan dengan pelbagai pencapaian dan anugerah berprestij. Program **Global Partnership Initiative Strategy** telah berjaya mengangkat UiTMLaw di kedudukan **301-350 QS University World Ranking (By Subject) 2023**. Pencapaian dan hasil operasi UiTMLaw juga dapat dibuktikan apabila UiTMLaw telah berjaya mendapat **pencapaian i-skor UiTM 6 bintang (94.7%)**.

Tahap pencapaian hasil berjaya **melebihi sasaran** sebanyak **654%** melalui inisiatif Geran Antarabangsa, Industri dan Komuniti di Rajah 7.2.2A. Tahap pencapaian hasil juga mencapai sasaran dengan **amat cemerlang** apabila program khidmat nasihat kepada komuniti dilaksanakan oleh **Klinik Bantuan Guaman** UiTMLaw dan inisiatif kepada komuniti politeknik dan kolej komuniti dengan penghasilan **draf Undang-Undang Akta Politeknik Malaysia** yang akan dibentang di **Parlimen Malaysia** seperti di Rajah 7.3.2A.

Tren penglibatan **alumni** yang **signifikan amat terserlah** dalam program **UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship**. **UiTMLaw Mentorship Initiative** telah diadakan secara **berkala 2 kali setahun** dan terdapat **tren peningkatan** penglibatan alumni yang **positif** iaitu seramai 33 orang alumni pada tahun 2023, berbanding 20 orang pada tahun 2021 seperti di Rajah 7.3.3C.

Secara **perbandingan**, UiTMLaw **menerajui usaha dan sinergi yang konsisten bersama alumni** dengan menjadi **Fakulti Undang-Undang pertama di Malaysia** yang melaksanakan program secara **berkala** dan berterusan dari tahun **2021 hingga 2023** bermula dengan siri 1.0 hingga 5.0 seperti di Rajah 7.3.4A.

Selain itu, kewujudan sinergi dan integrasi operasi UiTMLaw dengan pihak alumni dibuktikan dengan penganugerahan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjana Pendapatan di dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023**.

Pelaksanaan operasi program-program besar dan berimpak tinggi ini adalah mengikut **operasi 3P** yang dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan. Fasa pertama melibatkan **Perancangan** di Bengkel Perancangan Strategik dan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif. Fasa kedua melibatkan proses **Pelaksanaan** dimana pelbagai mesyuarat dijalankan bagi memastikan sinergi bersama dapat dicapai dalam melaksanakan setiap program. Akhir sekali, **Pemantauan** dibuat melalui pelbagai kaedah seperti laporan program dan kemasukan data ke dalam sistem-sistem berkaitan seperti SMART, VC Tracking Report, NILAM dan UePMO.

Kepentingan program UiTMLaw bersama **komuniti** memberi **impak** yang **amat signifikan** terutamanya melalui pengendalian operasi **Klinik Bantuan Guaman** yang telah berjaya memberi **khidmat nasihat** perundangan secara **percuma** kepada komuniti pelajar UiTM, staf UiTM, **masyarakat setempat dan seluruh rakyat Malaysia**. Komuniti pelanggan telah hadir

dari pelbagai negeri ke Fakulti Undang-Undang di Shah Alam untuk mendapatkan khidmat nasihat tersebut.

UiTMLaw juga telah menunjukkan keberhasilan operasi apabila delegasi universiti antarabangsa iaitu Universiti Airlangga, Indonesia dan Xiamen University Malaysia menjalankan lawatan penanda aras untuk melihat fasiliti fizikal, pemahaman program akademik yang ditawarkan, keberkesanan operasi, dan melakukan perbincangan kolaborasi.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0043_HB02_20241_7.3.2 HASIL OPERASI - Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0043_HB03_20242_7.3.3 HASIL OPERASI - Trend.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0043_HB04_20243_7.3.4 HASIL OPERASI - Comparison.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0043_HB05_20244_7.3.5 HASIL OPERASI - Importance.pdf](#)